





KEMENTERIAN KEWANGAN

# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**







KERAJAAN MALAYSIA

# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS


**2024**





DITERBITKAN DENGAN PERINTAH

## Hak Cipta Terpelihara

Semua hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada:


 AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Kementerian Kewangan  
Aras 8, Persiaran Perdana  
Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

 : +603 8882 1000

 : [upmp@anm.gov.my](mailto:upmp@anm.gov.my)

Edisi 2024 diterbitkan pada 6 Oktober 2025

Naskhah ini juga boleh dimuat turun di:

 Laman sesawang : [www.anm.gov.my](http://www.anm.gov.my)


Imbasan kod QR :





**PNMB**

Dicetak oleh :  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2024  
[www.printnasiona.com.my](http://www.printnasiona.com.my)

 : [cservice@printnasiona.com.my](mailto:cservice@printnasiona.com.my)

 : +603-9236 6888

 : +603-9222 4773



## **SURAT PENYAMPAIAN**

**YANG AMAT BERHORMAT  
DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
MENTERI KEWANGAN**

YAB Dato' Seri,

Mengikut kehendak Seksyen 16 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], saya dengan hormatnya mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 yang telah diaudit untuk dibentang di Parlimen.

Dengan hormatnya dikemukakan,

**Zainani binti Jusoh** C.A.(M), CPA(M)  
**Akauntan Negara Malaysia**

22 September 2025

# Penghargaan

“Bismillahir Rahmanir Rahim”  
Assalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Alhamdulillah, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah SWT, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2024 telah sempurna ditandatangani oleh YBhg. Datuk Johan bin Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 27 Februari 2025 dan diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2025. Penyerahan ini turut disertakan dengan Kertas Kerja Sokongan sebagai manifestasi komitmen Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) terhadap ketelusan dan integriti pelaporan kewangan Kerajaan Persekutuan. Kejayaan ini disempurnakan dengan pengesahan melalui Sijil Ketua Audit Negara bahawa PKKP 2024 memberikan gambaran yang benar dan saksama.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah saya tujukan kepada semua warga JANM serta pegawai perakaunan di Kementerian, Jabatan, Negeri dan Cawangan yang telah memberi sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung. Kejayaan ini lahir daripada iltizam, dedikasi dan kerjasama erat seluruh warga perkhidmatan awam. Semoga momentum kecemerlangan ini terus berkekalan demi mengangkat martabat perkhidmatan perakaunan Kerajaan.

Tahun 2024 turut menandakan penguatkuasaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850), suatu tonggak penting dalam memperkukuh disiplin fiskal Negara berteraskan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus berintegriti. Seiring dengan itu, kita sebagai penjawat awam dituntut untuk terus profesional, berintegriti serta mengamalkan semak dan imbang yang berkesan dalam memperkukuh keyakinan rakyat terhadap pengurusan kewangan Negara.

Warga JANM perlu sentiasa meningkatkan kompetensi diri yang merangkumi keupayaan berfikir kritis, menguasai literasi digital, memimpin dengan berkesan serta beradaptasi dalam persekitaran yang sentiasa berubah. Walhasil, cabaran sebenar bukan sekadar berkisar pada teknologi semata-mata, tetapi juga anjakan psikologi dan budaya kerja. Era Kecerdasan Buatan (AI) membuka peluang luas bagi kita menambah nilai strategik dalam pekerjaan, asalkan kita berpaksikan integriti, kebijaksanaan serta nilai nirmala yang digagaskan melalui Malaysia MADANI.

Seiring aspirasi pendigitalan nasional, JANM terus mengemudi transformasi digital kewangan Negara. Inisiatif seperti sistem penerimaan elektronik bersepadu atau *iPayment* telah meningkatkan kecekapan transaksi kewangan Kerajaan, manakala penggunaan teknologi moden yang sedang dikaji bakal memperkukuh keupayaan analisis data dan mempercepat pembuatan keputusan strategik. Warga perakaunan bukan lagi sekadar pelaksana tugas rutin, sebaliknya harus menjadi pemandu arah kepada transformasi digital dan teknologi AI dengan visi yang strategik, proaktif dan cakna.

Akhirkalam, saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga atas segala usaha dan pengorbanan semua warga JANM. Teruslah bekerja dengan penuh dedikasi, berintegriti dan bersemangat. Transformasi inovasi pendigitalan kewangan Negara bukan hanya matlamat nasional, namun ia merupakan amanah nirmala yang menuntut keberanian moral, etika dan integriti serta berpegang kepada tatakelola yang baik. Kini tiba masanya JANM bertiwikrama dalam mengemudi ekosistem kewangan Negara ke arah yang lebih telus, mampan, inklusif, adaptif serta benar-benar menyantuni rakyat secara rahmah, adil dan bermaruah. Dengan tekad bersama, saya yakin JANM akan terus mengekalkan momentum

*Excellent Accounting @ Your Service.*



“Transformasi inovasi pendigitalan kewangan Negara adalah amanah nirmala yang menuntut keberanian moral, etika dan integriti serta tatakelola yang baik.”

---

**Zainani binti Jusoh** C.A.(M), CPA(M)  
Akauntan Negara Malaysia

# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2024



**P**enyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 disediakan oleh Akauntan Negara Malaysia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentang di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan transaksi kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Parlimen bagi tahun kewangan 2024.

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Nota Kepada Penyata Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum Aset dan Liabiliti.



# KANDUNGAN

## PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### AKRONIM DAN SINGKATAN

### GLOSARI

### TINJAUAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- 2 | Ringkasan Eksekutif
- 9 | Laporan Akauntan Negara Malaysia

### PENYATA KEWANGAN

- 52 | Sijil Ketua Audit Negara
- 57 | Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan
- 58 | Pernyataan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Dan Akauntan Negara Malaysia
- 59 | Penyata Kedudukan Kewangan
- 60 | Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai
- 62 | Penyata Prestasi Kewangan
- 63 | Penyata Akaun Memorandum
- 67 | Nota Kepada Penyata Kewangan

### LAMPIRAN KEPADA NOTA

- 87 | **Lampiran 1**  
Penyata Perbelanjaan Mengurus
- 192 | **Lampiran 2**  
Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- 230 | **Lampiran 3**  
Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut
- 234 | **Lampiran 4**  
Penyata Akaun Memorandum Pelaburan
- 240 | **Lampiran 5**  
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti  
- Hutang Persekutuan

- 245 | **Lampiran 6**  
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti  
- Inisiatif Pembiayaan Swasta

- 248 | **Lampiran 7**  
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti  
- Komitmen Jaminan  
Penyata Penyaluran Geran Bayaran Balik Pinjaman

- 252 | **Lampiran 8**  
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti  
- Komitmen Pajakan Kewangan

- 257 | **Lampiran 9**  
Penyata Akaun Memorandum Liabiliti  
- Komitmen Pampasan

- 261 | **Lampiran 10**  
Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun

### LAMPIRAN

- 266 | Perangkaan Kewangan Kerajaan Persekutuan 2010-2024
- 274 | Carta Organisasi  
- Kementerian Kewangan
- 276 | Carta Organisasi  
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia



“Dalam era transformasi digital yang pesat, penggunaan teknologi canggih seperti kecerdasan buatan (AI) amat penting dalam meningkatkan produktiviti dan kecekapan pentadbiran. Ia menjadi tanggungjawab kita untuk memanfaatkan kemajuan ini demi mempertingkatkan hasil kerja serta memenuhi amanah yang diberikan dengan lebih cekap dan berkesan.”

**Perdana Menteri  
YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**

---





# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**

**AKRONIM  
DAN SINGKATAN**



# AKRONIM DAN SINGKATAN

**ABT**

Akaun Belum Terima

**AI**

Kecerdasan Buatan

**CKHT**

Cukai Keuntungan Harta Tanah

**COVID-19**

Penyakit Koronavirus 2019

**JPY**

Yen Jepun

**KDNK**

Keluaran Dalam Negara Kasar

**KWD**

Kumpulan Wang Disatukan

**KWP**

Kumpulan Wang Pembangunan

**RM**

Ringgit Malaysia

**RMKe-12**

Rancangan Malaysia Kedua Belas

**SKM**

Sekuriti Kerajaan Malaysia

**SSPA**

Sistem Saraan Perkhidmatan Awam

**TPK**

Terbitan Pelaburan Kerajaan

**USD**

Dolar Amerika

**WTD**

Wang Tak Dituntut


**1MDB**

1Malaysia Development Berhad

# GLOSARI

---

<b>AMPUH</b>	- mujarab
<b>HEMAH</b>	- budi pekerti
<b>HEMAT</b>	- tidak boros, cermat atau jimat
<b>INKLUSIF</b>	- merangkum, termasuk atau menyeluruh
<b>KENDATIPUN</b>	- walaupun, meskipun atau biarpun
<b>MAMPAN</b>	- mampu mengekalkan pencapaian atau prestasi yang baik
<b>MAPAN</b>	- stabil atau kukuh
<b>MARCAPADA</b>	- dunia sekarang ini
<b>MENGESAMPINGKAN</b>	- mengetepikan (menganggap kurang penting)
<b>MENOKOK</b>	- menambah
<b>NIRMALA</b>	- bersih atau suci
<b>PENJAJARAN</b>	- menjadikan selaras
<b>PRAKARSA</b>	- inisiatif, daya usaha atau ikhtiar
<b>PROGRESIF</b>	- menuju ke arah perbaikan atau kemajuan
<b>RESPONSIF</b>	- segera atau mudah memberikan kerjasama atau reaksi yang bersifat membantu terhadap sesuatu usaha
<b>SEMENTELAHAN</b>	- lebih-lebih lagi, tambahan pula atau apalagi
<b>TATANAN</b>	- aturan atau sistem
<b>TEKAL</b>	- tidak berubah-ubah halnya atau keadaannya, tetap, konsisten
<b>TERAMPIL</b>	- cekap
<b>USAHA RAYA</b>	- usaha besar
<b>WAHANA</b>	- saluran atau perantaraan
<b>WALHASIL</b>	- kesimpulannya





# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**

**TINJAUAN KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

RINGKASAN EKSEKUTIF



# DASHBOARD


## BAGI TAHUN 2024

Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan

### TERIMAAN DAN PERBELANJAAN




### KEDUDUKAN FISKAL





Pembaharuan fiskal telah meletakkan Negara pada landasan yang tepat dalam merapatkan jurang defisit fiskal, yakni daripada 5.6% pada 2022 kepada 5.0% pada 2023 dan kepada 4.1% pada 2024.

### ANALISIS NISBAH HUTANG PERSEKUTUAN



### KOMPOSISI HASIL DAN PERBELANJAAN MENGURUS



### PERBELANJAAN TERKUMPUL

Perbelanjaan Pembangunan Terkumpul bagi RMKe-12



2021-2024  
**RM315.93 B**





# RINGKASAN EKSEKUTIF

## Mengemudi Reformasi Fiskal, Menstruktur Masa Hadapan Negara



Tahun 2024 menandakan detik penting pelaksanaan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850) yang menjadi pemacu kepada ketelusan dan akauntabiliti fiskal Negara. Dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks, dasar fiskal Negara memainkan peranan utama bagi memastikan kestabilan ekonomi serta memperkukuh ruang fiskal yang mampan.

Berteraskan kerangka Ekonomi MADANI, Belanjawan 2024 telah memperuntukkan sebanyak **RM392.43 bilion** bagi menyokong pelaksanaan agenda pembangunan nasional yang mampan dan inklusif. Perbelanjaan sebenar Kerajaan Persekutuan berjumlah **RM405.52 bilion**, terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus **RM321.51 bilion** dan Perbelanjaan Pembangunan **RM84.01 bilion**. Kutipan Hasil pula mencatat jumlah **RM324.62 bilion**, melebihi anggaran disemak **RM322.05 bilion**.



Dampaknya, Defisit Fiskal berjaya dikurangkan kepada **RM79.16 bilion** (2023 : RM91.39 bilion), bersamaan **4.1%** (2023 : 5.0%) daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), ia jelas menandakan kemajuan konsolidasi fiskal. Ini sejajar dengan sasaran Akta 850 untuk menurunkan defisit kepada 3% daripada KDNK dan memastikan nisbah hutang tidak melebihi 60% daripada KDNK.



Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan (KWD) menurun kepada **RM65.94 bilion** berbanding **RM69.77 bilion** pada 2023. Ia terdiri daripada Wang Tunai **RM28.20 bilion** dan Pelaburan **RM37.74 bilion**.



Seperti yang dilaporkan di Penyata Akaun Memorandum, Aset Kerajaan Persekutuan berjumlah **RM137.85 bilion** terdiri daripada Akaun Belum Terima **RM103.16 bilion** dan Pelaburan **RM34.69 bilion**. Melihat kepada dimensi liabiliti, Hutang Persekutuan berjumlah **RM1,247.61 bilion**, dengan bayaran khidmat hutang **RM50.48 bilion** (15.70% daripada Perbelanjaan Mengurus). Liabiliti lain termasuk Komitmen Kewangan **RM297.17 bilion**, Inisiatif Pembiayaan Swasta **RM32.91 bilion** dan Pelbagai Liabiliti **RM0.13 bilion**.




Tuntasnya, prestasi dan kedudukan kewangan 2024 mencerminkan iltizam berterusan untuk mengangkat martabat tatanan fiskal Negara demi kemaslahatan rakyat dan kestabilan ekonomi jangka panjang. Pencapaian ini menuntut Kerajaan terus mengemudi pengislahan fiskal secara berfasa agar kemampuannya dapat dikekalkan.




Penjelasan terperinci melibatkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2024 boleh dirujuk di **Laporan Akauntan Negara Malaysia**.

# SOROTAN BAGI TAHUN 2024


## PINJAMAN BOLEH DITUNTUT



## PENDAHULUAN BOLEH DITUNTUT




## PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA



## PELABURAN



## HUTANG PERSEKUTUAN




## LIABILITI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA




## KOMITMEN KEWANGAN



## PELBAGAI LIABILITI



# INFOGRAFIK KUMPULAN WANG DISATUKAN BAGI TAHUN 2024



# DATA KEWANGAN

## BAGI TEMPOH 15 TAHUN

### BERMULA 2010 HINGGA 2024

#### Naratif Pintar



Perbelanjaan Mengurus mendominasi struktur fiskal



Perbelanjaan melonjak antara 2020 hingga 2022 sebagai tindak balas fiskal luar jangka melibatkan COVID-19



Hasil menurun semasa pandemik, namun menunjukkan pemulihan yang kukuh pada 2023 dan 2024



Jurang antara Hasil dan Perbelanjaan kian mengecil, sejajar dengan komitmen konsolidasi fiskal




2024 mencerminkan peralihan kepada disiplin fiskal, dengan Hasil stabil dan struktur Perbelanjaan yang lebih berhemat dan mampan


Pinjaman Bersih mencatat paras tertinggi pada tahun 2021 susulan pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi berskala besar. Sejak tahun 2022, jumlah ini mula menunjukkan trend penurunan sejajar dengan usaha konsolidasi fiskal Kerajaan. Pada tahun 2024, Pinjaman Bersih mencatat RM79,913 juta, paras terendah dalam tempoh lima tahun sekali gus mencerminkan kemajuan nyata ke arah kedudukan fiskal yang lebih berdaya tahan.

#### Trend Fiskal Kerajaan Persekutuan

Carta 1 : Hasil dan Perbelanjaan



Carta 2 : Terimaan dan Bayaran Pinjaman, Pinjaman Bersih serta Kadar Defisit



#### Garis Masa Peristiwa Utama

- 2018** | Perubahan cukai (GST → SST)
- 2019** | Persekitaran luaran tidak menentu mula jejakkan hasil
- 2020–2021** | Pandemik–Bantuan fiskal berskala besar dan moratorium
- 2022** | Endemik–Fokus semula kepada pengukuhan fiskal
- 2023** | Belanjawan bersifat ekspansif
- 2024** | Hala tuju fiskal mula diperkuat



# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**

**TINJAUAN KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN**

LAPORAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



“Namun, kita juga harus berhati-hati agar tidak terlalu terpuakau atau terlalu bergantung kepada kecanggihan teknologi semata-mata. Teknologi, walaupun membantu, tidak sempurna. Ia boleh menghasilkan maklumat yang tidak tepat dan, jika tidak dikawal dengan bijak, boleh menjejaskan pengurusan serta kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Dengan pendekatan ini, kita bukan sahaja dapat memanfaatkan kecanggihan digital, tetapi juga memastikan pentadbiran kekal berintegriti, berkesan dan berorientasikan rakyat.”

**Perdana Menteri**  
**YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim**



# LAPORAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

## PERSPEKTIF KESELURUHAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Tahun 2024 membuka lembaran baharu kepada landskap ekonomi Negara, ia merupakan titik penting ke arah penyusunan semula fiskal yang lebih mampan, berdisiplin dan inklusif. Malaysia terus mempamerkan daya tahan tersendiri meskipun persekitaran global masih malap berikutan ketidaktentuan geopolitik dan tekanan kos yang berpanjangan. Pertumbuhan ekonomi domestik kekal positif dipacu permintaan dalam negeri serta disokong aktiviti pengguna yang lebih stabil, pasaran buruh yang sihat dan kemasukan pelancong yang menggalakkan. Sementara itu, pelaburan dan aliran modal kekal rancak susulan keyakinan pelabur dan pasaran yang semakin mengukuh.

Perkembangan ekonomi yang memberangsangkan ini turut diterjemahkan secara langsung melalui prestasi kewangan Negara. Pencapaian kutipan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 merekodkan sebanyak RM324.62 bilion, melebihi anggaran disemak RM322.05 bilion. Trend ini mencerminkan keberkesanan polisi yang responsif serta pematuhan cukai yang semakin baik. Selaras dengan teras nilai MADANI iaitu ihsan yang menjunjung tinggi kesejahteraan inklusif, Kerajaan memanfaatkan prestasi Hasil ini untuk terus menyediakan subsidi dan perlindungan sosial bersasar, khususnya bagi membendung tekanan kos sara hidup terhadap golongan rentan.

Belanjawan 2024 yang dibentangkan di Parlimen pada 13 Oktober 2023 telah memperuntukkan sebanyak RM395.80 bilion bagi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Berikutan keperluan perbelanjaan dan kepentingan semasa, Kerajaan telah membuat semakan semula peruntukan Perbelanjaan Mengurus, ia telah dinaikkan sebanyak 1.15% daripada RM303.80 bilion kepada RM307.28 bilion. Peningkatan ini bertujuan menampung keperluan bayaran emolumen, khidmat hutang, persaraan serta pelaksanaan subsidi bersasar dan bantuan sosial. Sementara itu, peruntukan Perbelanjaan Pembangunan disemak lebih rendah kepada RM85.15 bilion berbanding RM92.00 bilion iaitu penurunan sebanyak 7.45%. Pelarasan semula ini melibatkan keutamaan fiskal berdasarkan kemajuan pelaksanaan program dan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).



Kerajaan terus mengemudi pengislahan kedudukan fiskal Negara ke arah keseimbangan jangka sederhana. Walaupun Hutang Persekutuan secara terkumpul meningkat kepada RM1,247.61 bilion pada akhir 2024, kenaikan ini berjaya dikekang pada kadar 6.41%, lebih rendah berbanding 8.61% pada tahun sebelumnya. Nisbah hutang statutori kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada pada kadar 62.9%, kekal di bawah had statutori 65% seperti ditetapkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 (Akta 850). Penambahbaikan ini disokong strategi pengurusan hutang yang lebih berhemat. Natiujahnya, struktur hutang Negara kini lebih stabil dan mencerminkan asas fiskal yang semakin kukuh.

Sorotan tahun 2024 menyaksikan tumpuan Kerajaan kepada pengagihan subsidi secara bersasar, peluasan asas percukaian serta pengukuhan tadbir urus hasil supaya lebih terampil. Ini merupakan antara prakarsa penjajaran dengan agenda pembaharuan fiskal yang didukung kerangka Ekonomi MADANI. Seiring itu, kecekapan perbelanjaan terus diperkukuh melalui pelaburan strategik dalam bidang digitalisasi, teknologi hijau dan ekonomi berimpak tinggi yang mampu menjana hasil jangka panjang. Inisiatif rasionalisasi badan berkanun dan agensi persekutuan juga giat dilaksanakan bagi mengurangkan pertindihan fungsi, menambah baik penyampaian perkhidmatan serta mengoptimumkan penggunaan sumber awam.

Kendatipun berdepan cabaran seperti ketirisan fiskal, kebergantungan kepada hasil tidak lestari serta peningkatan tanggungan liabiliti, Kerajaan tetap beriltizam menongkah arus dengan pendekatan berhemah dan progresif demi penambahbaikan Malaysia. Pemacuan ekonomi yang segar dan mampan juga menuntut usaha raya untuk merangkul perubahan teknologi yang berlaku dengan amat pantas khususnya Kecerdasan Buatan (AI).



Era AI ini membuka peluang seluasnya kepada Negara untuk menambah nilai strategik tanpa mengesampingkan integriti dan akauntabiliti terhadap rakyat. Ini seharusnya menjadi kekuatan ampuh kepada Negara yakni keupayaan mengemudi hala tuju strategik dan visi yang cakna serta proaktif. Di samping memandu arah teknologi AI berpaksikan kebijaksanaan, pengalaman dan nilai nirmala yang digagaskan Malaysia MADANI.

## IMBASAN DAN ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah sempurna disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 28 Februari 2025. Selaras dengan peruntukan Akta Audit 1957 (Akta 62), Ketua Audit Negara telah mengaudit Penyata Kewangan 2024 dan mengeluarkan Sijil Ketua Audit Negara pada 30 Julai 2025.

LENSA PKKP

Laporan Akauntan Negara Malaysia (LANM) disediakan berasaskan *Recommended Practice Guideline 2 - Financial Statement Discussion and Analysis* yang dikeluarkan oleh *International Public Sector Accounting Standards Board*. LANM meliputi analisis terhadap Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai dan Penyata Akaun Memorandum.

## PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Selaras dengan dasar perakaunan tunai ubah suai yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan, Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan melaporkan Wang Awam, ia mencakupi Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang dalam tiga (3) akaun Kumpulan Wang Disatukan (KWD). Item Pelaburan yang dilaporkan dalam penyata ini melibatkan Pelaburan melalui lebihan dana serta akaun amanah. Pelaburan lain pula dibentangkan dalam Penyata Akaun Memorandum, manakala maklumat terperinci disediakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan.

Pecahan KWD

Akaun Hasil Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Amanah Disatukan

## WANG AWAM

Wang Awam mencerminkan tahap kecairan fiskal Kerajaan Persekutuan yang merangkumi dua (2) komponen utama iaitu Wang Tunai dan Pelaburan. Pada tahun 2024, Wang Awam berjumlah RM65,943 juta telah menurun sebanyak RM3,823 juta (5.48%) berbanding tahun 2023 yang berjumlah RM69,766 juta.

### Wang Tunai

Kerajaan terus mengutamakan pengurusan wang tunai sebagai strategi utama dalam menjamin kestabilan fiskal jangka pendek. Keutamaan ini diberikan kepada penyelarasan aliran tunai yang optimum bagi membiayai perbelanjaan harian tanpa gangguan. Lebihan wang tunai dilaburkan



dalam simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan keperluan kecairan harian serta kecekapan kos. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong keupayaan operasi Kerajaan, malah memastikan lebih tunai dapat dimanfaatkan untuk menjana pulangan yang berpatutan.

Baki Wang Tunai pada tahun 2024 meningkat dengan sederhana, RM589 juta (2.13%), daripada RM27,607 juta pada tahun 2023 kepada RM28,196 juta. Peningkatan ini dipacu oleh pertambahan Wang Tunai Dalam Bank sebanyak RM913 juta yang sebahagiannya disumbangkan simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan. Secara keseluruhannya, varian positif dalam komponen Wang Tunai ini menunjukkan peningkatan kecekapan pengurusan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan serta kesediaan untuk memenuhi obligasi kewangan dengan lebih proaktif dan strategik.

Perbandingan kedudukan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1 : Perbandingan Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Wang Tunai	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Wang Tunai Dalam Bank	27,598	26,685	913	3.42
Wang Tunai Dalam Perjalanan	595	919	(324)	(35.26)
Wang Tunai Dalam Tangan	3	3	-	-
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>28,196</b>	<b>27,607</b>	<b>589</b>	<b>2.13</b>

Pada tahun 2024, Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada akaun semasa berjumlah RM15,137 juta (54.85%) dan akaun simpanan tetap bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) bulan berjumlah RM12,461 juta (45.15%). Pengagihan ini adalah selaras dengan dasar pengurusan Wang Tunai Kerajaan untuk mengekalkan tahap kecairan optimum tanpa mengabaikan potensi penjanaan hasil ke atas lebihan dana.

Maklumat lanjut mengenai Wang Tunai boleh dirujuk dalam **Nota 3 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

## Pelaburan

Komposisi Pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah sebanyak RM30,260 juta (80.17%) dan Pelaburan Am sebanyak RM7,487 juta (19.83%). Pecahan Pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut kategori bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 1**.

Pelaburan Kerajaan Persekutuan adalah merupakan pelaburan yang dibuat daripada lebihan dana KWD. Secara keseluruhannya, jumlah Pelaburan mencatat penurunan sebanyak RM4,412 juta (10.47%) kepada RM37,747 juta pada tahun 2024 berbanding RM42,159 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh pengurangan dalam kategori deposit jangka pendek dalam negeri serta pelaburan luar negara. Butiran terperinci jenis instrumen Pelaburan Kerajaan Persekutuan mengikut kategori dan perbandingan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 2 : Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Pelaburan	Nilai Buku		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>				
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	4,432	4,545	(113)	(2.49)
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,745	1,394	351	25.18
Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	1,673	2,152	(479)	(22.26)
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,856	4,477	379	8.47
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	1,816	1,326	490	36.95
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	3,528	3,121	407	13.04
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440	440	-	-
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	11,770	15,304	(3,534)	(23.09)
<b>Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>	<b>30,260</b>	<b>32,759</b>	<b>(2,499)</b>	<b>(7.63)</b>
<b>Pelaburan Am</b>				
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	6,718	6,718	-	-
Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	6	6	-	-
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	762	2,675	(1,913)	(71.51)
Pelbagai	1	1	-	-
<b>Jumlah Pelaburan Am</b>	<b>7,487</b>	<b>9,400</b>	<b>(1,913)</b>	<b>(20.35)</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>37,747</b>	<b>42,159</b>	<b>(4,412)</b>	<b>(10.47)</b>

### Pelaburan Kumpulan Wang Amanah

Pada tahun 2024, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah mencatatkan penurunan sebanyak RM2,499 juta (7.63%) kepada RM30,260 juta berbanding RM32,759 juta pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan pencairan pelaburan dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan sebanyak RM3,534 juta (23.09%), khususnya melibatkan Akaun Deposit Wang Tak Dituntut dan Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset.


Pelaburan yang dibuat melalui Kumpulan Wang Amanah Negara mencatatkan peningkatan dalam beberapa instrumen iaitu Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri dan Dalam Negeri yang masing-masing meningkat sebanyak RM490 juta (36.95%) dan RM407 juta (13.04%), Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri sebanyak RM379 juta (8.47%) serta Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia sebanyak RM351 juta (25.18%). Walau bagaimanapun, terdapat pelaburan yang dibuat di luar negara mengalami sedikit penyusutan iaitu Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri dan Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, masing-masing menurun sebanyak RM479 juta (22.26%) dan RM113 juta (2.49%). Pelaburan melalui Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri pula kekal tidak berubah pada tahun 2024. Kedudukan Pelaburan Kumpulan Wang Amanah mengikut jenis instrumen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 2**.

## Pelaburan Am

Pada tahun 2024, Pelaburan Am mencatatkan penurunan sebanyak RM1,913 juta (20.35%) kepada RM7,487 juta berbanding RM9,400 juta pada tahun 2023. Penurunan ini didorong oleh pengurangan ketara dalam Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 – 12 Bulan sebanyak RM1,913 juta (71.51%) kepada RM762 juta berbanding RM2,675 juta pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri dan kategori Pelbagai kekal tidak berubah bagi tempoh dua (2) tahun berturut-turut. Kedudukan Pelaburan Am mengikut jenis instrumen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 3**. Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 4 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.


**Carta 1**

### Pelaburan Kerajaan Persekutuan Mengikut Kategori



**Carta 2**

### Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Mengikut Jenis Instrumen (RM juta)



**Carta 3**

### Pelaburan Am Mengikut Jenis Instrumen (RM juta)



## AKAUN HASIL DISATUKAN


Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua Hasil serta Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).



Hasil Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan. Perbelanjaan Mengurus pula terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan.

### Hasil

Pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah mengunjurkan Hasil sebanyak RM307,600 juta. Kemudiannya, Kerajaan telah menyemak semula unjuran tersebut dan menokok sebanyak RM14,450 juta (4.70%) kepada RM322,050 juta. Semakan semula ini didorong oleh unjuran pertumbuhan kukuh dalam kutipan cukai tidak langsung serta peningkatan perolehan daripada pelaburan. Prestasi Hasil sebenar RM324,618 juta menunjukkan pencapaian melepasi anggaran disemak, iaitu RM2,568 juta (100.80%) lebih tinggi. Secara perbandingan, Hasil Kerajaan Persekutuan tahun 2024 meningkat sebanyak RM9,659 juta (3.07%) berbanding kutipan tahun 2023, RM314,959 juta. Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh lonjakan dalam kutipan Hasil Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dampak positif ini mencerminkan kekuatan asas ekonomi Negara dan keupayaan sistem kutipan dalam menyokong kedudukan fiskal yang lebih berdaya tahan. Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 mengikut penjenisan adalah seperti di **Jadual 3**.




**Prestasi Hasil Berbanding Anggaran Disemak**

**Jadual 3 : Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Hasil	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024		2023		RM Juta	%
	RM Juta	%	RM Juta	%		
Hasil Cukai	240,192	73.99	229,185	72.77	11,007	4.80
Hasil Bukan Cukai	70,098	21.59	79,032	25.09	(8,934)	(11.30)
Terimaan Bukan Hasil	13,850	4.27	6,025	1.91	7,825	129.88
Hasil Wilayah Persekutuan	478	0.15	717	0.23	(239)	(33.33)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>324,618</b>	<b>100</b>	<b>314,959</b>	<b>100</b>	<b>9,659</b>	<b>3.07</b>

Hasil utama Kerajaan Persekutuan terdiri daripada Hasil Cukai yang berjumlah RM240,192 juta (73.99%), diikuti dengan Hasil Bukan Cukai sebanyak RM70,098 juta (21.59%), Terimaan Bukan Hasil sebanyak RM13,850 juta (4.27%) dan Hasil Wilayah Persekutuan sebanyak RM478 juta (0.15%).

Pecahan Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 4**.



“Cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama Hasil Negara yang antaranya terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, individu dan petroleum.”

**Hasil Cukai** tahun 2024 terdiri daripada kutipan cukai langsung berjumlah RM171,693 juta atau 71.48%, manakala cukai tidak langsung berjumlah RM68,499 juta atau 28.52%. Cukai langsung kekal sebagai penyumbang utama Hasil Negara yang antaranya terdiri daripada cukai pendapatan syarikat, individu dan petroleum. Perbandingan Hasil Cukai yang signifikan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 4**.


**Jadual 4 : Perbandingan Hasil Cukai Yang Signifikan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Hasil Cukai	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023	RM Juta	%
	RM Juta	RM Juta		
<b>Cukai Langsung</b>	<b>171,693</b>	<b>171,336</b>	<b>357</b>	<b>0.21</b>
<b>Cukai Pendapatan</b>	<b>158,870</b>	<b>159,745</b>	<b>(875)</b>	<b>(0.55)</b>
Cukai Pendapatan Syarikat	92,776	91,743	1,033	1.13
Cukai Pendapatan Individu	41,099	37,770	3,329	8.81
Cukai Pendapatan Petroleum	20,528	26,096	(5,568)	(21.34)
Pelbagai Cukai Pendapatan	4,467	4,136	331	8.00
<b>Cukai Langsung Yang Lain</b>	<b>12,823</b>	<b>11,591</b>	<b>1,232</b>	<b>10.63</b>
Duti Setem	9,956	9,577	379	3.96
Cukai Keuntungan Harta Tanah	2,079	864	1,215	140.63
Pelbagai Cukai Langsung Yang Lain	788	1,150	(362)	(31.48)
<b>Cukai Tidak Langsung</b>	<b>68,499</b>	<b>57,849</b>	<b>10,650</b>	<b>18.41</b>
Cukai Perkhidmatan	23,248	17,090	6,158	36.03
Duti Eksais	13,383	13,144	239	1.82
Cukai Jualan Atas Barangan Import	13,271	10,680	2,591	24.26
Cukai Jualan Atas Barang-Barang Perkilangan Dalam Negeri	8,239	7,693	546	7.10
Duti Kastam	5,164	5,075	89	1.75
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	5,194	4,167	1,027	24.65

Kutipan cukai pendapatan bagi tahun 2024 berjumlah RM158,870 juta, sedikit menurun berbanding RM159,745 juta pada tahun 2023. Walaupun terdapat penyusutan sebanyak RM875 juta (0.55%), komponen utamanya iaitu cukai pendapatan syarikat dan individu terus mencatatkan peningkatan yang stabil. Cukai pendapatan syarikat meningkat kepada RM92,776 juta (2023 : RM91,743 juta), disokong oleh prestasi korporat yang stabil dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ia juga seiring dengan pelaksanaan e-Invois yang bermula secara berperingkat pada Ogos 2024<sup>1</sup>. Cukai pendapatan individu pula menunjukkan pertumbuhan sebanyak 8.81% kepada RM41,099 juta (2023 : RM37,770 juta), dipacu oleh peluasan pasaran pekerjaan, kenaikan gaji serta perluasan bilangan pembayar cukai<sup>2</sup>.

<sup>1</sup> Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2025, Kementerian Kewangan

<sup>2</sup> Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2025, Kementerian Kewangan



**Rencana 1 :**  
Reformasi  
Hasil dan  
Daya Tahan  
Fiskal dalam  
Keadaan Dunia  
Tidak Menentu

Dalam pada itu, kutipan cukai pendapatan petroleum mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM5,568 juta (21.34%) kepada RM20,528 juta berbanding RM26,096 juta pada tahun sebelumnya berikutan pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah<sup>3</sup>. Sorotan yang lebih menyeluruh mengenai struktur Hasil Negara boleh dirujuk di **Rencana 1 : Reformasi Hasil dan Daya Tahan Fiskal dalam Keadaan Dunia Tidak Menentu**.

Komponen utama cukai langsung yang lain melibatkan kutipan duti setem dan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Duti setem mencatatkan kutipan sebanyak RM9,956 juta berbanding RM9,577 juta pada tahun sebelumnya, manakala CKHT melonjak kepada RM2,079 juta, meningkat sebanyak RM1,215 juta (140.63%). Prestasi memberangsangkan ini mencerminkan kerancangan aktiviti dalam pasaran harta tanah serta peningkatan urus niaga seperti pemindahan aset. Sebaliknya, kutipan bagi kategori pelbagai cukai langsung yang lain mencatatkan penurunan sebanyak RM362 juta.

Kutipan cukai tidak langsung pada tahun 2024 mencatat prestasi kukuh apabila hampir semua komponen utamanya menunjukkan peningkatan selari dengan pengukuhan aktiviti ekonomi domestik. Secara tuntasnya, kutipan ini naik dengan signifikan sebanyak RM10,650 juta (18.41%) kepada RM68,499 juta berbanding tahun 2023. Cukai perkhidmatan kekal sebagai penyumbang utama dengan kutipan sebanyak RM23,248 juta, meningkat sebanyak RM6,158 juta (36.03%) berbanding tahun sebelumnya. Lonjakan ini melibatkan sektor insurans dan takaful, penginapan, makanan dan minuman, teknologi maklumat, perkhidmatan digital yang diimport serta perkhidmatan pengurusan.

Selaras dengan strategi peluasan asas percukaian di bawah inisiatif Belanjawan 2024, beberapa kategori perkhidmatan baharu telah mula dikenakan cukai perkhidmatan bermula 1 Mac 2024. Sektor yang terlibat termasuk perkhidmatan logistik, penghantaran e-dagang dan hiburan. Kutipan cukai daripada kategori baharu ini berjumlah RM1,126 juta bagi tahun pertama pelaksanaannya. Langkah ini mencerminkan komitmen Kerajaan memperkukuh kutipan hasil serta meneroka potensi sektor digital dan perkhidmatan yang semakin meluas.

Sementara itu, kutipan duti eksais meningkat kepada RM13,383 juta pada tahun 2024, disokong oleh peningkatan ketara dalam segmen kenderaan bermotor. Lonjakan ini seiring dengan pertambahan pengeluaran dan jualan kenderaan, termasuk pelancaran model baharu serta pemulihan berterusan rantai bekalan industri automotif.

Cukai jualan atas barangan import dan barang-barang perkilangan dalam negeri pula melonjak ketara kepada RM13,271 juta dan RM8,239 juta susulan oleh kerancangan permintaan pengguna serta aktiviti industri. Peningkatan cukai jualan ini antaranya disumbang oleh prospek menggalakkan dalam industri automotif, mesin dan alat ganti serta import diesel. Di samping itu, kutipan Hasil turut diperkukuh melalui pelaksanaan cukai ke atas barangan bernilai rendah (LVG) yang mula dikuatkuasakan pada awal tahun, menyumbang kutipan RM474 juta. Langkah ini berjaya memperluas ruang kutipan kepada aktiviti e-dagang rentas sempadan yang sebelum ini tidak dikenakan cukai.

Manakala kutipan duti kastam mencatat sedikit kenaikan berjumlah RM89 juta kepada RM5,164 juta, disokong oleh pertumbuhan hasil eksport minyak sawit. Duti eksport minyak kelapa sawit mentah meningkat sebanyak RM96 juta kepada RM903 juta, manakala minyak sawit diproses turut naik RM18 juta kepada RM46 juta. Sebaliknya, kutipan duti eksport petroleum mentah mencatat penurunan sebanyak RM98 juta kepada RM1,011 juta, susulan harga pasaran yang lebih rendah dan permintaan global yang perlahan.

<sup>3</sup> Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahun 2025, Kementerian Kewangan

**Hasil Bukan Cukai** bagi tahun 2024 berjumlah RM70,098 juta, menurun sebanyak RM8,934 juta (11.30%) berbanding RM79,032 juta pada tahun 2023. Penurunan ini berpunca terutamanya daripada faedah dan perolehan daripada pelaburan, pinjaman persekutuan dan terbitan instrumen kewangan Kerajaan yang mencatat RM45,782 juta berbanding RM55,824 juta pada tahun sebelumnya. Sebahagian besar penurunan ini disebabkan oleh dividen yang lebih rendah daripada Petroliam Nasional Berhad berjumlah RM32,000 juta berbanding RM40,000 juta pada tahun 2023. Paras dividen ini sejajar dengan pendekatan syarikat untuk mengekalkan daya tahan kewangan serta menyokong pelaburan strategik dalam sektor tenaga masa hadapan. Walau bagaimanapun, dividen daripada Bank Negara Malaysia telah membantu mengimbangi sebahagian kecil penyusutan Hasil Bukan Cukai. Dividen tersebut meningkat sedikit kepada RM2,850 juta berbanding RM2,750 juta pada tahun sebelumnya.

Kutipan lesen, bayaran pendaftaran dan permit tahun 2024 terus menunjukkan prestasi yang stabil dengan jumlah sebanyak RM17,041 juta, meningkat RM300 juta (1.79%) berbanding tahun sebelumnya. Komponen utama yang menyumbang kepada hasil ini ialah kutipan levi ke atas pekerja asing yang meningkat dengan ketara sebanyak RM498 juta kepada RM3,807 juta. Ini mencerminkan permintaan yang lebih tinggi terhadap tenaga kerja asing dalam sektor kritikal. Selain itu, kenaikan ini turut melibatkan kutipan lesen kenderaan bermotor yang meningkat sebanyak RM88 juta kepada RM3,359 juta serta kutipan lesen memandu kenderaan yang naik sebanyak RM72 juta kepada RM592 juta sejajar dengan peningkatan aktiviti pembaharuan lesen dan permintaan bagi lesen baharu.

Kategori perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan pula mencatatkan peningkatan sebanyak RM185 juta (6.50%) kepada RM3,031 juta pada tahun 2024. Peningkatan ini disumbang terutamanya oleh bayaran perkhidmatan lain yang mencatat peningkatan sebanyak RM232 juta. Perbandingan Hasil Bukan Cukai yang signifikan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5 : Perbandingan Hasil Bukan Cukai Yang Signifikan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Hasil Bukan Cukai	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan, Pinjaman Persekutuan dan Terbitan Instrumen Kewangan Kerajaan	45,782	55,824	(10,042)	(17.99)
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	17,041	16,741	300	1.79
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	3,031	2,846	185	6.50
Pelbagai Hasil Bukan Cukai	4,244	3,621	623	17.21

**Terimaan Bukan Hasil** mencatat prestasi membanggakan sebanyak RM13,850 juta iaitu kenaikan berjumlah RM7,825 juta (129.88%). Prestasi ini didorong oleh dua (2) komponen utama, iaitu terimaan daripada Agensi Kerajaan yang meningkat sebanyak RM6,598 juta (162.67%) kepada RM10,654 juta serta pelbagai terimaan bukan hasil yang turut naik sejumlah RM1,227 juta (62.32%) kepada RM3,196 juta. Sebahagian besar peningkatan ini melibatkan sumbangan daripada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) yang meningkat kepada RM5,000 juta berbanding RM3,000 juta pada tahun sebelumnya bagi membiayai sebahagian bayaran persaraan penjawat awam.

Di samping itu, pelbagai terimaan daripada agensi lain turut meningkat secara signifikan. Untuk kategori pelbagai terimaan bukan hasil, ia melonjak sebanyak RM1,227 juta kepada RM3,196 juta, disumbang terutamanya melalui dapatan balik Wang Tak Dituntut (WTD) yang lebih tinggi, berjumlah RM1,656 juta pada tahun 2024 berbanding RM426 juta pada tahun 2023.

**Hasil Wilayah Persekutuan** menyusut sebanyak RM239 juta (33.33%) kepada RM478 juta, berbanding RM717 juta pada tahun 2023. Penurunan ketara ini melibatkan Hasil Cukai Wilayah Persekutuan berikutan penyusutan hasil cukai premium dan cukai tanah yang mencatatkan RM379 juta, yakni perbezaan kutipan berjumlah RM233 juta berbanding RM612 juta dalam tahun 2023. Pada masa yang sama, Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan turut mencatat sedikit penurunan sebanyak RM6 juta (5.71%) kepada RM99 juta.

Perbandingan Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan yang signifikan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6 : Perbandingan Terimaan Bukan Hasil Dan Hasil Wilayah Persekutuan Yang Signifikan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023		
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
<b>Terimaan Bukan Hasil</b>	<b>13,850</b>	<b>6,025</b>	<b>7,825</b>	<b>129.88</b>
Terimaan daripada Agensi Kerajaan	10,654	4,056	6,598	162.67
Pelbagai Terimaan Bukan Hasil	3,196	1,969	1,227	62.32
<b>Hasil Wilayah Persekutuan</b>	<b>478</b>	<b>717</b>	<b>(239)</b>	<b>(33.33)</b>
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	379	612	(233)	(38.07)
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	99	105	(6)	(5.71)


Perbandingan Hasil Kerajaan Persekutuan mengikut penjenisan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 5**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 5(a) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.



**Carta 4**

**Pecahan Hasil Kerajaan Persekutuan**




- Hasil Cukai
- Hasil Bukan Cukai
- Terimaan Bukan Hasil dan Hasil Wilayah Persekutuan



**Carta 5**

**Hasil Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan (RM juta)**



# RENCANA 1 :

## Reformasi Hasil dan Daya Tahan Fiskal dalam Keadaan Dunia Tidak Menentu

Tahun 2024 menyaksikan prestasi Hasil Kerajaan Persekutuan yang kukuh dengan kutipan melebihi anggaran disemak. Pencapaian ini dipacu oleh pertumbuhan stabil dalam kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu, peluasan asas percukaian merangkumi sektor digital dan perkhidmatan baharu serta inisiatif awal ke arah pemodenan sistem kutipan. Ini membuktikan fokus Kerajaan terarah kepada usaha membina asas hasil yang mampan, segar dan terampil bagi jangka masa panjang dalam menghadapi cabaran marcapada.



Kendatipun, struktur Hasil Negara dilihat terus menerima tempas tekanan kemelut geopolitik yang mengakibatkan ketidaktentuan harga komoditi dan tekanan ekonomi global. Ini antaranya dapat diperhatikan pada cukai pendapatan petroleum yang menyusut 21.34% pada tahun 2024. Trend data menunjukkan pola naik turun ketara hasil berkaitan petroleum selari dengan harga minyak mentah dunia, sekali gus menjadikan ia sumber hasil yang tidak mampan sebagai sumber jangka panjang. Sehubungan itu, Kerajaan menekankan keperluan segera untuk menyusun semula tatanan fiskal agar tidak terlalu terdedah kepada dampak faktor global luar kawalan.

Kini, Malaysia dilihat mendakap prinsip daya cipta dan sedang beralih ke arah ekonomi berasaskan teknologi hijau, automasi dan digital. Tindakan ini seiring dengan perubahan landskap ekonomi dunia dan keinginan Malaysia menjadi hab pelaburan berteknologi tinggi. Komitmen Kerajaan turut dizahirkan melalui pelaksanaan dasar seperti Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL). Dalam kerangka ini, keterangkuman dasar hasil menjadi wahana penting bagi menjamin keyakinan pelabur dan kestabilan ekonomi.

Sepanjang tahun 2024, reformasi hasil terus diperkenalkan, termasuk pengenaan cukai baharu serta peluasan skop cukai perkhidmatan. Ini mencerminkan prakarsa Kerajaan untuk memperkukuh mobilisasi hasil. Walau bagaimanapun, kejayaan sebenar berpaksi kepada keupayaan melaksana dasar secara tekal serta merangkul kebijakan teknologi kecerdasan buatan AI dalam pengurusan hasil. Keberkesanan pelaksanaan AI pula secara ampuh memerlukan ekosistem data yang terbuka, pelaburan dalam infrastruktur digital serta tadbir urus yang meliputi garis panduan etika dan privasi.




### Rujukan :

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil  
Kerajaan Persekutuan 2025 (2024),  
Kementerian Kewangan



## Perbelanjaan Mengurus

Pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah membuat pindaan ke atas anggaran Perbelanjaan Mengurus kepada RM307,275 juta iaitu meningkat sebanyak RM3,475 juta (1.14%) berbanding anggaran asal berjumlah RM303,800 juta. Semakan semula anggaran ini didorong oleh keperluan tambahan dalam subsidi dan bantuan sosial, emolumen serta bayaran persaraan<sup>4</sup>. Prestasi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2024 ialah 105.64% atau berjumlah RM324,618 juta termasuk pindahan berjumlah RM3,109 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan (KWP). Manakala, tanpa mengambil kira pindahan ke KWP, prestasi Perbelanjaan Mengurus ialah 104.63% atau berjumlah RM321,509 juta.



Sebahagian besar Perbelanjaan Mengurus 2024 melibatkan pemberian dan kenaan bayaran tetap, merangkumi pemberian dalam negeri, bayaran khidmat hutang serta bayaran persaraan. Ia sejajar dengan keperluan berterusan Kerajaan dalam memenuhi tanggungan tetap dan komitmen fiskal jangka panjang. Perbelanjaan tertinggi berdasarkan maksud perbelanjaan antaranya melibatkan Perkhidmatan Am Perbendaharaan berjumlah RM60,371 juta (18.78%), Kementerian Pendidikan berjumlah RM54,554 juta (16.97%), Perbelanjaan Kerana Hutang Negara berjumlah RM50,481 juta (15.70%) dan Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran berjumlah RM33,622 juta (10.46%). Trend jumlah Perbelanjaan Mengurus pula mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM10,243 juta (3.29%) berbanding RM311,266 juta pada tahun 2023. Pecahan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 6**.



<sup>4</sup> Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025, Kementerian Kewangan

Sebanyak RM91,844 juta (28.57%) daripada jumlah Perbelanjaan Mengurus 2024 merupakan Perbelanjaan Tanggungan. Sebahagian besar perbelanjaan ini terdiri daripada Perbelanjaan Kerana Hutang Negara iaitu sebanyak RM50,481 juta yang merangkumi 54.96% daripada jumlah Perbelanjaan Tanggungan. Perbelanjaan Bekalan pula merangkumi 71.43% daripada Perbelanjaan Mengurus 2024 dengan jumlah RM229,665 juta. Perkhidmatan Am Perbendaharaan mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu RM60,371 juta (26.29%), diikuti Kementerian Pendidikan berjumlah RM54,554 juta (23.75%) dan Kementerian Kesihatan berjumlah RM33,952 juta (14.78%) daripada keseluruhan Perbelanjaan Bekalan. Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 mengikut penjenisan adalah seperti di **Jadual 7**.

**Jadual 7 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Penjenisan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Perbelanjaan Mengurus	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024		2023		RM Juta	%
	RM Juta	%	RM Juta	%		
Emolumen	95,936	29.84	91,859	29.51	4,077	4.44
Perkhidmatan dan Bekalan	37,668	11.72	35,898	11.53	1,770	4.93
Aset	1,188	0.37	1,022	0.33	166	16.24
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	185,866	57.81	181,629	58.35	4,237	2.33
Perbelanjaan Lain	851	0.26	858	0.28	(7)	(0.82)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>321,509</b>	<b>100</b>	<b>311,266</b>	<b>100</b>	<b>10,243</b>	<b>3.29</b>

Perbelanjaan **Emolumen** meningkat sebanyak RM4,077 juta (4.44%) kepada RM95,936 juta berbanding RM91,859 juta bagi tahun 2023. Lonjakan ini didorong oleh beberapa faktor, termasuk kenaikan gaji tahunan, Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sebanyak RM2,000 kepada pegawai Perkhidmatan Awam dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana Gred 15 dan ke bawah. Tambahan lagi, pelaksanaan semula SSPA yang berkuat kuasa mulai Disember 2024 turut menyumbang kepada peningkatan ini. Kajian ini merangkumi semakan semula skim perkhidmatan, gaji hakiki, elaun, faedah saraan dan pencen yang merupakan antara agenda utama reformasi perkhidmatan awam sejak semakan terakhir pada tahun 2012.



Langkah ini juga selaras dengan teras 'Menaikkan Lantai' di bawah Kerangka Ekonomi MADANI, yang memberi tumpuan kepada peningkatan pendapatan asas dan taraf hidup rakyat melalui penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap, saksama dan berimpak. Usaha ini dilihat sebagai pembaharuan strategik dalam memastikan sistem saraan awam kekal relevan, mampan dan menyumbang kepada produktiviti serta kesejahteraan penjawat awam.


Perbelanjaan **Perkhidmatan dan Bekalan** juga meningkat sebanyak RM1,770 juta (4.93%) kepada RM37,668 juta berbanding RM35,898 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan yang lebih tinggi ini terutamanya melibatkan pembayaran untuk perkhidmatan seperti perlindungan dan keselamatan, pembaikan dan penyelenggaraan serta bekalan perubatan yang menyokong operasi jabatan serta institusi kesihatan utama Negara.

Perbelanjaan **Aset** berjumlah RM1,188 juta pula menunjukkan peningkatan kecil sebanyak RM166 juta (16.24%) berbanding RM1,022 juta pada tahun 2023. Sebahagian besar daripada perbelanjaan ini adalah untuk pembelian aset bagi Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan.



Perbelanjaan **Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap** merupakan komponen Perbelanjaan Mengurus yang terbesar dengan jumlah RM185,866 juta. Perbelanjaan ini meningkat sebanyak RM4,237 juta (2.33%) berbanding RM181,629 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan perbelanjaan subsidi dalam negeri, khususnya melibatkan subsidi bagi produk petroleum seperti petrol serta *Liquefied Petroleum Gas* dan juga bantuan makanan.

Sementara itu, rasionalisasi subsidi elektrik dan diesel secara bersasar telah berjaya mengurangkan Perbelanjaan Mengurus bagi subsidi dengan signifikan. Penyasaran semula subsidi ini bertujuan untuk menangani ketirisan serta bertepatan dengan agenda Kerajaan iaitu langkah perbelanjaan optimum.



**Rencana 2 :**  
Langkah  
Perbelanjaan  
Optimum dan  
Kemampuan  
Fiskal

Kerajaan turut melaksanakan usaha rasionalisasi badan berkanun dan agensi persekutuan secara berfasa dalam tahun 2024. Inisiatif ini melibatkan penyusunan semula struktur organisasi, penyepaduan fungsi yang bertindih serta penilaian semula keperluan kewangan.

Hasilnya, perbelanjaan bagi pemberian khas kepada badan berkanun mencatatkan penurunan ketara sebanyak RM5,217 juta kepada RM2,194 juta berbanding RM7,411 juta pada tahun 2023.

Penjelasan lanjut melibatkan langkah Kerajaan bagi perbelanjaan optimum boleh dirujuk di **Rencana 2 : Langkah Perbelanjaan Optimum dan Kemampuan Fiskal**.

**Perbelanjaan Lain** mencatatkan penurunan kecil sebanyak RM7 juta (0.82%) kepada RM851 juta berbanding RM858 juta pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan oleh perbelanjaan bagi pulangan balik hasil yang menyusut sebanyak RM47 juta iaitu RM478 juta bagi tahun 2024 berbanding RM525 juta pada tahun sebelumnya. Namun begitu, penurunan ini telah sebahagiannya diofset dengan peningkatan bayaran lain.

Perbandingan Perbelanjaan Mengurus mengikut sektor menunjukkan sektor sosial kekal mencatatkan perbelanjaan yang tertinggi iaitu RM109,371 juta (34.02%). Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 mengikut sektor adalah seperti di **Jadual 8**.

**Jadual 8 : Perbandingan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Perbelanjaan Mengurus	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024		2023		RM Juta	%
	RM Juta	%	RM Juta	%		
Ekonomi	22,096	6.87	21,650	6.96	446	2.06
Sosial	109,371	34.02	105,905	34.02	3,466	3.27
Keselamatan	27,641	8.60	26,659	8.56	982	3.68
Pentadbiran Am	17,283	5.38	15,085	4.85	2,198	14.57
Tanggungjawab Tertentu	84,947	26.42	79,416	25.51	5,531	6.96
Bayaran Pindahan	60,171	18.71	62,551	20.10	(2,380)	(3.80)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>321,509</b>	<b>100</b>	<b>311,266</b>	<b>100</b>	<b>10,243</b>	<b>3.29</b>

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 5(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 1 : Penyata Perbelanjaan Mengurus**.



## RENCANA 2 :

### Langkah Perbelanjaan Optimum dan Kemampunan Fiskal

Struktur Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan masih didominasi oleh komponen berulang dan komitmen tinggi seperti emolumen, bayaran khidmat hutang dan bayaran persaraan. Sebagai contoh, komponen tersebut mencakupi RM180,039 juta atau 56.00% daripada jumlah keseluruhan Perbelanjaan Mengurus. Walaupun mencerminkan komitmen Kerajaan terhadap kesejahteraan penjawat awam dan tanggungjawab fiskal, perbelanjaan ini mengehadkan ruang fleksibiliti Kerajaan untuk menyalurkan dana kepada inisiatif baharu atau tindak balas terhadap keperluan kritikal.

Sehubungan itu, Kerajaan telah mengambil langkah strategik melalui inisiatif pembaharuan subsidi diesel dengan pelaksanaannya secara bersasar dalam tahun 2024. Langkah ini menyumbang kepada pengurangan ketara dalam perbelanjaan subsidi diesel daripada RM13,512 juta pada tahun 2023 kepada RM11,539 juta pada tahun 2024, iaitu penurunan sebanyak RM1,973 juta atau 14.60%. Penurunan ini menzahirkan kesungguhan Kerajaan untuk mengekang ketirisan serta memperkukuh agenda perbelanjaan optimum.

Sebahagian penjimatan ini turut digunakan untuk menyokong pengalihan subsidi kepada program bantuan bersasar seperti Program Bantuan Subsidi MADANI (BUDI). Sebahagian penjimatan turut digunakan untuk menambah baik inisiatif sedia ada seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) serta bantuan tunai kepada pekebun kecil agri-komoditi dan individu yang layak.



Kerajaan dijangka melaksanakan mekanisme subsidi bersasar bagi petrol RON95 dalam tahun 2025. Rasionalisasi ini penting memandangkan subsidi petrol antara komponen signifikan dalam perbelanjaan subsidi bahan api. Pada tahun 2024, subsidi bagi petroleum mencatatkan peningkatan ketara daripada RM18,317 juta kepada RM19,657 juta, iaitu naik sebanyak RM1,340 juta atau 7.32%. Lonjakan ini mengukuhkan keperluan untuk menyusun semula struktur subsidi ke arah yang lebih mampan, adil dan bersasar. Prakarsa ini bakal memperkukuh keadilan sosial dan seterusnya membuka lebih banyak ruang fiskal bagi menjana impak berganda kepada rakyat.

Walhasil, rasionalisasi subsidi ini mencerminkan usaha Kerajaan melaksanakan perbelanjaan yang lebih terarah dan berimpak tinggi kepada rakyat. Ia selaras dengan pelaksanaan Akta 850 bagi memastikan pengurusan fiskal berhemat dan sasaran pengurangan defisit menjelang tahun 2026. Keberkesanan dasar ini turut disokong oleh penggunaan sistem digital yang mengintegrasikan data sosioekonomi rakyat, sekali gus membolehkan bantuan disalurkan secara lebih tepat, saksama dan berpaksikan data. Pendekatan ini memperkukuh komitmen Kerajaan terhadap digitalisasi perkhidmatan awam serta dasar yang lebih responsif dan inklusif.



Rujukan :

Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025 (2024), Kementerian Kewangan

## AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk mendapatkan pembiayaan dalam Negara dengan memanfaatkan kecairan pasaran domestik dan meminimumkan pendedahan kepada perubahan kadar pertukaran mata wang asing. Selaras dengan strategi pinjaman, tumpuan diberikan kepada penerbitan sekuriti jangka panjang bagi mengurangkan risiko pembiayaan semula. Pinjaman yang diperoleh digunakan antara lain untuk membiayai keperluan pembangunan Negara.

Pada tahun 2024, pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan berjumlah RM79,913 juta, terendah dalam tempoh lima (5) tahun terkini. Jumlah ini direkodkan selepas mengambil kira pinjaman baharu sebanyak RM202,248 juta dan bayaran balik sebanyak RM122,335 juta. Prestasi ini mencerminkan kejayaan awal langkah konsolidasi fiskal dan pengurusan hutang yang berhemat.

Urus niaga yang dibuat oleh Kerajaan bagi Pinjaman Dalam Negeri dan Bantuan Luar Negeri bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 9**.


**Jadual 9 : Pinjaman Dalam Negeri Dan Bantuan Luar Negeri Bagi Tahun 2024**

Perihal	Terimaan Pinjaman	Komposisi	Bayaran Balik	Komposisi	Jumlah Bersih
	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta
Dalam Negeri	202,248	100.00	(122,108)	99.81	80,140
Luar Negeri	-	-	(227)	0.19	(227)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>202,248</b>	<b>100</b>	<b>(122,335)</b>	<b>100</b>	<b>79,913</b>

Perbandingan jumlah pinjaman bersih Kerajaan Persekutuan mengikut kategori bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 7**.

**Carta 7**

### Pinjaman Bersih Kerajaan Persekutuan Mengikut Kategori (RM juta)





### Terbitan Sekuriti Hutang Bagi Instrumen Pinjaman Dalam Negeri



Bil Perbendaharaan:  
Diterbitkan di bawah Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]



Bil Perbendaharaan Islamik:  
Diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]



Terbitan Pelaburan Kerajaan:  
Diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]



Sekuriti Kerajaan Malaysia:  
Diterbitkan di bawah Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]



Sukuk:  
Diterbitkan di bawah Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]

## Pinjaman Dalam Negeri

Pinjaman Dalam Negeri bersih bagi tahun 2024 berjumlah RM80,140 juta, menyusut dengan signifikan sebanyak RM21,441 juta (21.11%) berbanding RM101,581 juta pada tahun 2023. Data ini menunjukkan langkah Kerajaan bagi memperkukuh kedudukan kewangan Negara selari dengan keperluan segera membina semula ruang fiskal. Daripada jumlah terimaan pinjaman tersebut, RM76,994 juta telah disalurkan ke KWP bagi menampung keperluan pembiayaan projek di bawah RMKe-12.

Pinjaman Dalam Negeri mengikut instrumen bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 10**.

**Jadual 10 : Pinjaman Dalam Negeri Mengikut Instrumen Bagi Tahun 2024**

Pinjaman Dalam Negeri	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik	Jumlah Bersih
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Bil Perbendaharaan	22,470	(27,377)	(4,907)
Terbitan Pelaburan Kerajaan	89,930	(44,000)	45,930
Sekuriti Kerajaan Malaysia	89,848	(45,231)	44,617
Sukuk	-	(5,500)	(5,500)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>202,248</b>	<b>(122,108)</b>	<b>80,140</b>

Jumlah pinjaman kasar Kerajaan bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM202,248 juta, melibatkan penerbitan instrumen Bil Perbendaharaan (RM22,470 juta), Terbitan Pelaburan Kerajaan (RM89,930 juta) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM89,848 juta). Sebanyak RM122,108 juta telah digunakan bagi membiayai atau menebus instrumen Bil Perbendaharaan (RM27,377 juta), Terbitan Pelaburan Kerajaan (RM44,000 juta) dan Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM45,231 juta) yang matang. Manakala, instrumen Sukuk (RM5,500 juta) yang merujuk kepada Sukuk Perumahan Kerajaan telah ditebus sepenuhnya dalam tahun 2024 tanpa sebarang terbitan baharu. Baki RM80,140 juta digunakan untuk menampung pembiayaan defisit khususnya bagi perbelanjaan pembangunan Negara.

### Instrumen Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri



Sukuk Luar Negeri:  
Diterbitkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]



Pinjaman Multilateral:  
Tertakluk kepada beberapa akta antaranya ialah Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) 1977 [Akta 187] dan Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Asia) 1968 [Akta 410]



Pinjaman Bilateral:  
Tertakluk kepada Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]



Bon:  
Diterbitkan di bawah Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]

## Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri

Kerajaan terus mengamalkan pengurusan hutang yang berhemat dengan mengawal peningkatan Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri bagi mengurangkan pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Pada tahun 2024, tiada terimaan Pinjaman Pasaran dan Bantuan Luar Negeri. Bayaran balik Bantuan Luar Negeri yang berjumlah RM227 juta melibatkan pembayaran Pinjaman Multilateral dan Bilateral projek sedia ada. Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut kategori bagi tahun 2024 adalah seperti di **Jadual 11**.

**Jadual 11 : Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri Mengikut Kategori Bagi Tahun 2024**

Perihal	Terimaan Pinjaman	Bayaran Balik	Jumlah Bersih
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
<b>Pinjaman Pasaran</b>	-	-	-
<b>Bantuan Luar Negeri</b>			
Pinjaman Multilateral	-	(27)	(27)
Pinjaman Bilateral	-	(200)	(200)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>-</b>	<b>(227)</b>	<b>(227)</b>

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 6 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Pada tahun 2024, Akaun Amanah Disatukan menunjukkan baki berjumlah RM54,080 juta, menurun berbanding baki RM57,754 juta pada tahun sebelumnya. Penurunan ini sebahagian besarnya berpunca daripada penyusutan dalam Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM3,791 juta (10.70%), iaitu daripada RM35,427 juta pada tahun 2023 kepada RM31,636 juta. Manakala, baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Awam mencatatkan peningkatan kecil sebanyak RM560 juta (6.18%), meningkat daripada RM9,061 juta pada tahun 2023 kepada RM9,621 juta. Akaun Deposit pula merekodkan penyusutan pada tahun 2024 sebanyak RM443 juta (3.34%) kepada RM12,823 juta berbanding tahun 2023 berjumlah RM13,266 juta.

Perbandingan Akaun Amanah Disatukan mengikut komponen bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Carta 8**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 7 – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

LENSA PPKP

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengaakunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada KWP dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

**Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

Pada tahun 2024, baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Kerajaan menurun sebanyak RM3,791 juta (10.70%). Ia berkait rapat dengan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang berkurang sebanyak RM3,470 juta (7.60%) kepada RM42,174 juta berbanding RM45,644 juta pada tahun 2023.

**Kumpulan Wang Pembangunan (KWP)**

Pada tahun 2024, defisit terkumpul KWP meningkat sebanyak RM321 juta (3.14%) kepada RM10,538 juta berbanding RM10,217 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini berpunca daripada penurunan terimaan KWP yang lebih besar berbanding penurunan Perbelanjaan Pembangunan. Terimaan KWP bagi tahun 2024 susut sebanyak RM14,133 juta (14.45%) kepada RM83,691 juta berbanding RM97,824 juta pada tahun 2023. Dalam tempoh yang sama, Perbelanjaan Pembangunan menurun sebanyak RM12,078 juta.

LENSA PPKP

KWP ditubuhkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] untuk pembangunan ekonomi Negara.

## Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan

Terimaan KWP berjumlah RM83,691 juta bagi tahun 2024, ia merangkumi pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan sebanyak RM76,994 juta, caruman daripada Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM3,109 juta, pelbagai terimaan sebanyak RM1,851 juta dan terimaan balik pinjaman sebanyak RM1,737 juta. Pecahan terimaan KWP bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 9**.

## Perbelanjaan Pembangunan

Anggaran dipinda Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2024 dilaporkan sebanyak RM85,152 juta, iaitu RM6,848 juta (7.44%) lebih rendah berbanding anggaran asal berjumlah RM92,000 juta (termasuk peruntukan simpanan luar jangka berjumlah RM2,000 juta). Semakan semula ini dibuat susulan pengurangan komitmen kewangan serta penyesuaian bagi keutamaan memastikan sumber diagih secara optimum selaras dengan pelan pembangunan Negara. Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mencatatkan 98.66%.



Jumlah Perbelanjaan Pembangunan sebenar bagi tahun 2024 ialah RM84,012 juta, menurun sebanyak RM12,078 juta (12.57%) berbanding RM96,090 juta pada tahun 2023. Perbelanjaan ini terdiri daripada perbelanjaan cara langsung berjumlah RM83,216 juta dan perbelanjaan cara pinjaman berjumlah RM796 juta.

Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 10**.

Perbelanjaan Pembangunan cara langsung telah menurun sebanyak RM11,653 juta (12.28%) kepada RM83,216 juta bagi tahun 2024 berbanding RM94,869 juta pada tahun 2023. Manakala, Perbelanjaan Pembangunan cara pinjaman kepada agensi sektor awam juga turun sebanyak RM425 juta (34.81%) kepada RM796 juta pada tahun 2024 berbanding RM1,221 juta pada tahun 2023.

Kementerian dengan amaun perbelanjaan yang tertinggi antaranya ialah Kementerian Kewangan (RM14,454 juta), Kementerian Kerja Raya (RM8,217 juta) dan Kementerian Pertahanan (RM7,349 juta).


Sektor ekonomi kekal sebagai penerima peruntukan tertinggi dalam Perbelanjaan Pembangunan iaitu RM43,289 juta (51.53%).

Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor bagi tahun 2024 dan 2023 boleh dirujuk di **Jadual 12**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 7(a)(i) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan**.


**Carta 8**

**Perbandingan Akaun Amanah Disatukan Mengikut Komponen (RM juta)**




**Carta 9**

**Terimaan Kumpulan Wang Pembangunan Mengikut Komponen**



**Carta 10**

**Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan (RM juta)**



**Jadual 12 : Perbandingan Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan Mengikut Sektor Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Perbelanjaan Pembangunan	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024		2023		RM Juta	%
	RM Juta	%	RM Juta	%		
Ekonomi	43,289	51.53	57,238	59.57	(13,949)	(24.37)
Sosial	25,602	30.47	24,247	25.23	1,355	5.59
Keselamatan	11,576	13.78	11,381	11.84	195	1.71
Pentadbiran Am	3,545	4.22	3,224	3.36	321	9.96
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>84,012</b>	<b>100</b>	<b>96,090</b>	<b>100</b>	<b>(12,078)</b>	<b>(12.57)</b>

## Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan



Pada tahun 2024, sebanyak 174 akaun di bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah diselia dan diurus oleh Kerajaan Persekutuan. Baki terkumpul Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan telah menurun sebanyak RM3,470 juta (7.60%) kepada RM42,174 juta berbanding RM45,644 juta pada tahun 2023.

Penurunan ini antaranya disebabkan oleh Akaun Penyelesaian bagi Akaun Kena Bayar yang menurun sebanyak RM2,393 juta (38.45%) daripada RM6,223 juta pada tahun 2023 kepada RM3,830 juta pada tahun 2024. Selain itu, Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain (KWPBB) yang merupakan salah satu akaun amanah dalam kategori Akaun Pinjaman turut menyusut sebanyak RM894 juta (40.95%) kepada baki RM1,289 juta berbanding RM2,183 juta dalam tahun 2023.

Pecahan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori menunjukkan sebahagian besar sumbangan terdiri daripada Pelbagai Kumpulan Wang dan Akaun Penyelesaian masing-masing sebanyak RM23,318 juta (55.29%) dan RM13,750 juta (32.60%).


Selebihnya terdiri daripada Akaun Pinjaman sebanyak RM3,507 juta (8.31%), Kumpulan Wang Luar Jangka sebanyak RM1,449 juta (3.44%) dan Akaun Perniagaan sebanyak RM150 juta (0.36%).

Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengikut kategori bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 11**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 7(a)(iii) - Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**Carta 11**

**Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan Mengikut Kategori**



### Kumpulan Wang Amanah Awam

Pada tahun 2024, terdapat sebanyak 319 akaun di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam dengan baki terkumpul berjumlah RM9,621 juta. Daripada jumlah ini, Akaun Amanah Am mencatatkan baki sebanyak RM5,951 juta, manakala Akaun Amanah Khas berjumlah RM3,670 juta.

Keseluruhannya, baki ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM560 juta (6.18%) berbanding RM9,061 juta pada tahun 2023, yang terdiri daripada Akaun Amanah Am sebanyak RM5,504 juta dan Akaun Amanah Khas sebanyak RM3,557 juta.

Peningkatan dalam Akaun Amanah Am disumbang terutamanya melalui Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset yang meningkat sebanyak RM440 juta kepada RM1,785 juta berbanding RM1,345 juta dalam tahun 2023. Selain itu, Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan turut meningkat sebanyak RM189 juta kepada RM1,226 juta berbanding RM1,037 juta dalam tahun 2023. Walau bagaimanapun, peningkatan ini sebahagiannya telah diimbangi dengan penyusutan baki Akaun Amanah Sumber Khas yang menurun sebanyak RM73 juta iaitu RM319 juta dalam tahun 2024 berbanding RM392 juta pada tahun 2023.

Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset ditubuhkan bagi menerima dana berkaitan Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) daripada pelbagai pihak, sama ada dari dalam atau luar negara. Dana yang diterima melalui akaun ini digunakan bagi tujuan pembayaran balik hutang 1MDB, kos operasi syarikat serta perbelanjaan yang berkaitan dengan pengurusan akaun amanah tersebut.

Komponen terbesar dalam kategori Akaun Amanah Khas ialah Akaun Amanah Estet Kebankrapan yang mencatatkan baki RM2,125 juta pada tahun 2024. Jumlah ini mewakili 57.90% daripada baki Akaun Amanah Khas dan 22.08% daripada keseluruhan baki Kumpulan Wang Akaun Amanah Awam.


Akaun Amanah Estet Kebankrapan ditubuhkan di bawah Seksyen 76, Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], bertujuan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran yang berkaitan pentadbiran dan prosiding kebangkrapan mengikut peruntukan akta tersebut.

Baki Kumpulan Wang Akaun Amanah Awam mengikut kategori bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 12**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 7(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**Carta 12**

**Kumpulan Wang Amanah Awam Mengikut Kategori**



## Akaun Deposit

Jumlah deposit yang dipegang oleh Kerajaan pada tahun 2024 telah mengalami sedikit penurunan sebanyak RM443 juta (3.34%) kepada RM12,823 juta berbanding RM13,266 juta pada tahun 2023. Komponen terbesar deposit bagi tahun 2024 adalah Deposit Am sebanyak RM12,650 juta (98.65%). Manakala, Deposit Pelarasan berjumlah RM173 juta (1.35%) daripada keseluruhan deposit.

Jumlah baki deposit mengikut kategori bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 13**.

Sebanyak RM7,671 juta atau 60.64% daripada baki terkumpul Deposit Am telah disumbangkan oleh Akaun Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut (WTD). Jumlah serahan WTD bagi tahun 2024 adalah sebanyak RM1,607 juta, menunjukkan peningkatan ketara sebanyak RM279 juta (21.01%) berbanding serahan pada tahun 2023 berjumlah RM1,328 juta.


Selain itu, bayaran balik WTD bagi tahun 2024 adalah RM572 juta, meningkat sebanyak RM42 juta (7.92%) berbanding pada tahun 2023 berjumlah RM530 juta.

Perbandingan jumlah serahan dan bayaran balik WTD bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Carta 14**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 7(c) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.


Carta 13

## Deposit Mengikut Kategori



Carta 14

## Perbandingan Serahan Dan Bayaran Balik WTD (RM juta)



## PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan mencatatkan sedikit peningkatan dalam baki Wang Tunai sebanyak RM589 juta (2.13%) kepada RM28,196 juta berbanding RM27,607 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini berlaku apabila jumlah terimaan Kerajaan berjumlah RM527,223 juta melebihi jumlah bayaran keseluruhan sebanyak RM526,634 juta. Walaupun bayaran bagi Perbelanjaan Mengurus meningkat sebanyak RM10,491 juta (3.39%), pengurangan ketara dalam Perbelanjaan Pembangunan, Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri serta Bayaran Lain telah membantu menstabilkan kedudukan Wang Tunai Kerajaan.

### Penerimaan Wang Tunai

Pada tahun 2024, terimaan Wang Tunai berjumlah RM527,223 juta terdiri daripada terimaan Hasil, Pinjaman serta Terimaan Lain yang merangkumi Terimaan Modal dan Terimaan Amanah. Jumlah terimaan Wang Tunai bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 15**.

### Pembayaran Wang Tunai

Pada tahun 2024, jumlah bayaran sebanyak RM526,634 juta terdiri daripada Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan serta bayaran balik Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri. Jumlah pembayaran Wang Tunai bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 16**.

Perbandingan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 13**.




**Jadual 13 : Perbandingan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Perihal	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024	2023	RM Juta	%
	RM Juta	RM Juta		
<b>Terimaan</b>				
Hasil	317,089	306,852	10,237	3.34
Pinjaman	202,248	241,509	(39,261)	(16.26)
Terimaan Lain	7,886	1,445	6,441	445.74
<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>527,223</b>	<b>549,806</b>	<b>(22,583)</b>	<b>(4.11)</b>
<b>Bayaran</b>				
Perbelanjaan Mengurus*	320,287	309,796	10,491	3.39
Perbelanjaan Pembangunan	84,012	96,090	(12,078)	(12.57)
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	122,335	140,176	(17,841)	(12.73)
Bayaran Lain	-	24,640	(24,640)	(100.00)
<b>Jumlah Bayaran</b>	<b>526,634</b>	<b>570,702</b>	<b>(44,068)</b>	<b>(7.72)</b>
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	589	(20,896)	21,485	(102.82)
Wang Tunai pada 1 Januari	27,607	48,503	(20,896)	(43.08)
<b>Wang Tunai pada 31 Disember</b>	<b>28,196</b>	<b>27,607</b>	<b>589</b>	<b>2.13</b>

Nota : \*tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan


**Carta 15**

**Terimaan Wang Tunai**



**Carta 16**

**Pembayaran Wang Tunai**



## PENYATA AKAUN MEMORANDUM


Pelaporan dan analisis terhadap Penyata Akaun Memorandum meliputi Aset dan Liabiliti.

### ASET

Aset Kerajaan Persekutuan yang dilaporkan menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan iaitu Akaun Belum Terima (ABT) dan Pelaburan yang dikenakan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan tetapi tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

### Akaun Belum Terima

Pada tahun 2024, baki ABT meningkat sebanyak RM4,790 juta (4.87%) kepada RM103,158 juta berbanding RM98,368 juta pada tahun 2023. Jumlah ABT ini terdiri daripada Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut iaitu sebanyak RM51,494 juta (49.92%) dan Pelbagai ABT berjumlah RM51,664 juta (50.08%).



Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut terdiri daripada Pinjaman Persekutuan, Pendahuluan Kerajaan Negeri dan Perseorangan. Pinjaman Persekutuan ialah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Syarikat, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan, Koperasi dan Pelbagai Agensi. Pendahuluan Kerajaan Negeri ialah pendahuluan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi menampung keperluan aliran tunai di negeri yang memerlukan. Manakala, Perseorangan pula ialah kemudahan pinjaman dan pendahuluan kepada penjawat awam yang terdiri daripada pinjaman komputer, pinjaman kenderaan, pendahuluan diri dan pendahuluan pelbagai.

### Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut

Baki Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada tahun 2024 adalah sebanyak RM51,494 juta, menurun sebanyak RM1,036 juta (1.97%) berbanding RM52,530 juta pada tahun sebelumnya. Trend penurunan ini berterusan sejak tahun 2021, didorong oleh penstrukturan semula pinjaman, hapus kira dan bayaran balik. Baki Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2024 adalah seperti di **Carta 17**.

Pengeluaran Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut yang diluluskan pada tahun 2024 berjumlah RM1,691 juta, meningkat sebanyak RM56 juta (3.43%) berbanding RM1,635 juta pada tahun sebelumnya. Sebahagian besar pengeluaran ini disalurkan kepada Kerajaan Negeri, iaitu sebanyak RM1,204 juta (71.20%) yang merangkumi pinjaman dan pendahuluan masing-masing sebanyak RM674 juta dan RM530 juta. Dana ini akan digunakan

terutamanya untuk program dan inisiatif berkaitan peningkatan perkhidmatan bekalan air dan elektrik serta infrastruktur rawatan kumbahan<sup>5</sup>.

Bayaran balik Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut tahun 2024 juga meningkat sebanyak RM604 juta (27.26%) kepada RM2,820 juta berbanding RM2,216 juta pada tahun 2023, dengan Kerajaan Negeri menyumbang bahagian terbesar iaitu RM1,006 juta (35.67%). Perbandingan jumlah pengeluaran dan bayaran balik Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Carta 18**.

Tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut pada tahun 2024 yang berjumlah RM9,282 juta, menurun sebanyak RM340 juta (3.53%) berbanding RM9,622 juta pada tahun 2023. Trend penurunan ini sebahagian besarnya disumbang oleh penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman serta hapus kira pinjaman yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

<sup>5</sup> Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025, Kementerian Kewangan


Komponen tunggakan tertinggi kekal melibatkan Syarikat iaitu sebanyak RM5,642 juta (60.78%). Perbandingan jumlah tunggakan Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut mengikut kategori peminjam bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Carta 19**.

Kerajaan Persekutuan masih terdedah kepada risiko kredit iaitu keupayaan peminjam untuk membuat bayaran balik pinjaman. Oleh itu, pengurusan risiko secara efektif terus diperkukuh bagi menjamin kebolehbayaran semula pinjaman dan melindungi kepentingan fiskal Negara.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 9(a) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 3 : Penyata Akaun Memorandum Pinjaman dan Pendahuluan Boleh Dituntut**.


**Carta 17**

**Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam**




**Carta 18**

**Perbandingan Pengeluaran Dan Bayaran Balik Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam (RM juta)**



**Carta 19**

**Tunggakan Pinjaman Dan Pendahuluan Boleh Dituntut Mengikut Kategori Peminjam (RM juta)**



## Pelbagai Akaun Belum Terima

Pelbagai ABT pada tahun 2024 berjumlah RM51,664 juta direkodkan di peringkat kementerian atau jabatan. Jumlah ini termasuk pinjaman dan pendahuluan di kementerian atau jabatan selain Kementerian Kewangan berjumlah RM516 juta. Tunggakan pelbagai ABT pula berjumlah RM32,431 juta, termasuk tunggakan faedah bagi Pinjaman Boleh Dituntut sebanyak RM2,733 juta. Kementerian yang mencatat jumlah ABT tertinggi adalah Kementerian Kewangan sebanyak RM46,780 juta (90.55%), diikuti oleh Jabatan Perdana Menteri sebanyak RM2,570 juta (4.97%) dan Kementerian Kesihatan sebanyak RM525 juta (1.02%).

Pelbagai inisiatif telah digerakkan bagi memperkukuh kecekapan dan keberkesanan pengurusan kutipan ABT. Langkah ini merangkumi pelaksanaan Mesyuarat Pasukan Petugas ABT sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun di peringkat kementerian, penguatkuasaan arahan potongan gaji terhadap pegawai yang masih berkhidmat serta pelaksanaan tindakan hapus kira bagi ABT yang melebihi usia enam (6) tahun selepas segala usaha kutipan dipenuhi. Pendekatan ini turut disokong oleh penyelarasan antara entiti yang terlibat bagi memastikan data ABT disemak. Sesi libat urus juga terus diperkukuh dalam memastikan pelaporan yang tepat, seterusnya meningkatkan pengesanan dan kutipan. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan dalam memastikan pengurusan ABT yang cekap dan telus.

## Pelaburan

Pelaburan dalam Syarikat, Badan Berkanun dan Agensi Antarabangsa merupakan sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan. Pegangan dalam pelaburan ini dipertanggungjawabkan kepada Perbelanjaan Mengurus atau Pembangunan tetapi tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan. Sebaliknya, maklumat berkenaan pegangan ekuiti Kerajaan Persekutuan dalam entiti pelaburan dibentangkan dalam Penyata Akaun Memorandum Pelaburan.

Pada tahun 2024, Kerajaan Persekutuan telah memperoleh pegangan baharu dalam sebuah syarikat serta melupuskan keseluruhan pegangan saham dalam sebuah syarikat lain. Meskipun berlaku perubahan dalam komposisi entiti pelaburan, jumlah keseluruhan syarikat yang dilaburkan kekal sebanyak 117 entiti, dengan nilai pelaburan berjumlah RM34,690 juta. Pelaburan Kerajaan Persekutuan tahun 2024 mengikut entiti adalah seperti di **Carta 20**.

Nilai Pelaburan Kerajaan Persekutuan mencatatkan sedikit penurunan sebanyak RM131 juta (0.38%) pada tahun 2024 kepada RM34,690 juta berbanding RM34,821 juta pada tahun 2023. Penurunan ini disebabkan oleh penebusan saham pelaburan dalam sebuah syarikat manakala Pelaburan dalam Badan Berkanun dan Agensi Antarabangsa kekal tidak berubah masing-masing pada RM978 juta dan RM38 juta.



Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2024 dan 2023 adalah seperti di **Jadual 14**.

Perbandingan jumlah pelaburan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 21**.

**Jadual 14 : Perbandingan Pelaburan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2024 Dan 2023**

Entiti	Tahun				Peningkatan/ (Penurunan)	
	2024		2023		RM Juta	%
	RM Juta	Bil.	RM Juta	Bil.		
Agensi Antarabangsa	38	1	38	1	-	-
Badan Berkanun	978	5	978	5	-	-
Syarikat	33,674	111	33,805	111	(131)	(0.39)
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>34,690</b>	<b>117</b>	<b>34,821</b>	<b>117</b>	<b>(131)</b>	<b>(0.38)</b>

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 9(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 4 : Penyata Akaun Memorandum Pelaburan**.

**Carta 20****Pelaburan Kerajaan Persekutuan Mengikut Entiti****Carta 21****Pelaburan Kerajaan Persekutuan (RM juta)**

## LIABILITI

Sebagai langkah memperkukuh ketelusan dan menyediakan gambaran yang lebih menyeluruh, pelaporan liabiliti merangkumi Hutang Persekutuan, Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta, Komitmen Kewangan dan Pelbagai Liabiliti.

### Hutang Persekutuan

Kerajaan Persekutuan terus komited untuk mencapai tahap keberhutangan yang berhemat selaras dengan objektif fiskal yang digariskan di bawah Akta 850. Akta ini yang mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2024 menetapkan had nisbah hutang Kerajaan kepada KDNK tidak melebihi 60% dalam tempoh jangka sederhana.

NISBAH  
HUTANG  
STATUTORI  
KEPADA  
KDNK

62.9%

Dalam masa yang sama, had hutang statutori sebanyak 65% daripada KDNK yang ditetapkan di bawah perundangan sedia ada masih terpakai. Bagi tahun 2024, nisbah hutang statutori kepada KDNK telah naik sedikit kepada 62.9% berbanding 62.1% pada tahun 2023, iaitu masih kekal di bawah had statutori yang ditetapkan, mencerminkan disiplin fiskal Kerajaan dalam pengurusan keberhutangan secara bertanggungjawab.



Pinjaman Dalam Negeri merangkumi terbitan sekuriti hutang iaitu Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Pada tahun 2024, jumlah keseluruhan Hutang Persekutuan ialah RM1,247,614 juta, meningkat sebanyak RM75,105 juta (6.41%) berbanding RM1,172,509 juta pada tahun 2023. Peningkatan ini selaras dengan keperluan membiayai defisit dan pengurusan hutang sedia ada secara berhemat. Semua pinjaman ini diperakunkan melalui Akaun Pinjaman Disatukan dan diperolehi menerusi pelbagai instrumen hutang termasuk sekuriti hutang dan pinjaman berjangka daripada sumber dalam dan luar negeri. Pinjaman Dalam Negeri kekal sebagai komponen utama dengan jumlah

RM1,219,638 juta (97.76%), manakala Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM27,976 juta (2.24%). Perbandingan kedudukan Hutang Persekutuan, nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK serta jumlah bayaran khidmat hutang bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 22**. Dari segi komposisi, Pinjaman Dalam Negeri banyak melibatkan instrumen berjangka masa sederhana seperti Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (TPK). SKM merekodkan jumlah RM633,838 juta (51.97%), meningkat RM43,980 juta berbanding RM589,858 juta pada tahun 2023. TPK pula meningkat RM43,500 juta kepada RM570,800 juta (46.80%) berbanding RM527,300 juta pada tahun sebelumnya. Sementara itu, Bil Perbendaharaan yang merupakan instrumen jangka pendek mencatat penurunan sebanyak RM5,000 juta, daripada RM20,000 juta kepada RM15,000 juta (1.23%). Perbandingan kedudukan Pinjaman Dalam Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 23**.

Bayaran khidmat hutang juga menunjukkan peningkatan sebanyak RM4,150 juta (8.96%) kepada RM50,481 juta berbanding RM46,331 juta pada 2023. Jumlah ini merangkumi pembayaran faedah dan dividen bagi sekuriti hutang Kerajaan, diskaun atas Bil Perbendaharaan, faedah pinjaman berjangka serta kos pengurusan pinjaman. Peningkatan ini selari dengan kedudukan defisit belanjawan yang masih wujud, walaupun trend penyusutan defisit sedang berlaku secara beransur-ansur. Penjelasan terperinci melibatkan Hutang Persekutuan boleh dirujuk di **Rencana 3 : Pengurusan Hutang Negara - Menyeimbangkan Tanggungjawab Fiskal dan Pertumbuhan Inklusif**.



**Rencana 3 :**  
Pengurusan  
Hutang Negara -  
Menyeimbangkan  
Tanggungjawab  
Fiskal dan  
Pertumbuhan  
Inklusif

Pegangan Hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada pelabur pemastautin dan bukan pemastautin. Pegangan oleh bukan pemastautin bagi instrumen Pinjaman Dalam Negeri berfungsi sebagai indikator sensitiviti pasaran luar terhadap sekuriti domestik. Pada tahun 2024, nilai pegangan bukan pemastautin berbanding jumlah Pinjaman Dalam Negeri meningkat kepada RM260,212 juta (21.34%) berbanding RM257,389 juta (22.53%) pada tahun 2023. Meskipun peratusan menurun sedikit, jumlah nilai meningkat memberi gambaran keyakinan yang konsisten dalam kalangan pelabur asing terhadap pasaran hutang Kerajaan Malaysia. Secara keseluruhan, tahap pegangan bukan pemastautin kekal stabil. Perbandingan pegangan pemastautin berbanding bukan pemastautin bagi sekuriti hutang dalam negeri adalah seperti di **Jadual 15**.

**Jadual 15 : Pegangan Pemastautin Dan Bukan Pemastautin  
Sekuriti Hutang Dalam Negeri Bagi Tahun 2024**

Sekuriti Hutang	Pemastautin	%	Bukan Pemastautin	%	Jumlah
	RM Juta		RM Juta		RM Juta
Bil Perbendaharaan	9,714	64.76	5,286	35.24	15,000
Terbitan Pelaburan Kerajaan	520,540	91.19	50,260	8.81	570,800
Sekuriti Kerajaan Malaysia	429,172	67.71	204,666	32.29	633,838
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>959,426</b>	<b>78.66</b>	<b>260,212</b>	<b>21.34</b>	<b>1,219,638</b>

Pinjaman pasaran termasuk Sukuk Global dan Bon Samurai merupakan pinjaman dalam mata wang asing dari sumber luar negeri. Pada 31 Disember 2024, nilai Ringgit Malaysia setara bagi instrumen ini berjumlah RM24,977 juta, menurun sebanyak RM1,247 juta (4.76%) berbanding RM26,224 juta pada tahun 2023. Terbitan Sukuk Global adalah berjumlah USD4,300 juta dengan nilai Ringgit Malaysia setara menurun daripada RM19,737 juta kepada RM19,245 juta berikutan pengukuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika (USD).

Di samping itu, kedudukan Bon Samurai tidak berubah pada JPY200,000 juta dengan nilai Ringgit Malaysia setara menurun daripada RM6,487 juta kepada RM5,732 juta susulan pengukuhan nilai Ringgit Malaysia (RM) berbanding Yen Jepun (JPY).

Perbandingan kedudukan nilai setara pinjaman pasaran luar negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 24**.

Bantuan Luar Negeri yang merupakan pinjaman berjangka bersindiket dari institusi kewangan antarabangsa (Multilateral) dan kerajaan asing (Bilateral), menurun pada nilai Ringgit Malaysia setara berjumlah RM2,999 juta pada tahun 2024 berbanding RM3,627 juta pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, RM2,969 juta (99.00%) merupakan pinjaman Bilateral, manakala RM30 juta (1.00%) merupakan pinjaman Multilateral. Pembiayaan ini merupakan baki dana untuk projek sedia ada seperti universiti, loji pembedungan dan infrastruktur penyaluran air.


Perbandingan kedudukan Bantuan Luar Negeri bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 25**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(a) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 5 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Hutang Persekutuan**.

**Carta 22**

**Kedudukan Hutang Persekutuan**  
(RM juta)


879,560 979,814 1,079,591 1,172,509 1,247,614



**Carta 23**


**Pinjaman Dalam Negeri**  
(RM juta)

851,284 950,084 1,050,078 1,142,658 1,219,638



**Carta 24**


**Nilai Setara Pinjaman Pasaran Luar Negeri**  
(RM juta)



**Carta 25**

**Bantuan Luar Negeri**  
(RM juta)

5,221 4,583 3,970 3,627 2,999





# RENCANA 3 :


## Pengurusan Hutang Negara - Menyeimbangkan Tanggungjawab Fiskal dan Pertumbuhan Inklusif



Selaras dengan usaha Kerajaan dalam melaksanakan konsolidasi fiskal secara berperingkat dan berdisiplin, tahun 2024 menyaksikan Hutang Persekutuan terus meningkat namun pada kadar yang lebih terkawal.

Inisiatif dan strategi yang dilaksanakan mula membuahkan hasil melalui trend penurunan pinjaman baharu bersih, yang merupakan jumlah terendah direkodkan sejak pandemik COVID-19. Pencapaian ini mencerminkan kemajuan ke arah sasaran fiskal jangka sederhana sebagaimana yang digariskan dalam Akta 850.

Pada akhir tahun 2024, jumlah keseluruhan Hutang Persekutuan ialah RM1,247,614 juta, meningkat sebanyak RM75,105 juta (6.41%) berbanding tahun sebelumnya. Kenaikan ini adalah bagi memenuhi keperluan pembiayaan defisit belanjawan serta pengurusan legasi hutang pasca-COVID-19 yang masih berterusan. Namun begitu, kadar defisit kepada KDNK berjaya dikurangkan kepada 4.1%, berbanding 5.0% pada tahun 2023. Ia merupakan satu petunjuk jelas kejayaan awal langkah konsolidasi fiskal secara berperingkat. Dalam konteks ini, Kerajaan komited mengekalkan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, pembangunan Negara, tanggungjawab fiskal dan prinsip kesaksamaan antara generasi.



Nisbah Hutang Persekutuan kepada KDNK bagi tahun 2024 ialah 64.6%, sedikit meningkat berbanding tahun sebelumnya, namun masih kekal di bawah had statutori 65%. Keadaan ini menggariskan keperluan untuk terus melaksana strategi fiskal yang mapan selaras kerangka Ekonomi MADANI. Pada masa yang sama, ia perlu mengambil kira tekanan fiskal jangka masa panjang seperti penuaan populasi, perubahan iklim dan produktiviti yang perlahan. Langkah ke hadapan memerlukan pendekatanimbangan antara elemen sosial dan fiskal, termasuk meluaskan asas hasil, menstruktur semula subsidi dan melaksanakan pengurusan pinjaman secara strategik. Pendekatan ini perlu berpaksikan prinsip kebolehbayaran, kebertanggungjawaban dan kemampuan fiskal Negara.



Rujukan :  
Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil  
Kerajaan Persekutuan 2025 (2024),  
Kementerian Kewangan





Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta ialah obligasi bayaran balik Kerajaan Persekutuan kepada syarikat yang mendapatkan pinjaman bagi pendanaan projek awam melalui Akaun Amanah Pelaksanaan Projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia seterusnya menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI I) dan Akaun Amanah Pelaksanaan Projek / Program / Aktiviti Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI II).

## Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta

Kedudukan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta pada tahun 2024 adalah RM32,905 juta, menunjukkan penurunan berjumlah RM565 juta (1.69%) berbanding RM33,470 juta pada tahun 2023. Perbandingan Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 26**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(b) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 6 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Inisiatif Pembiayaan Swasta**.

## Komitmen Kewangan

Pendedahan Komitmen Kewangan meliputi obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat pembayaran kepada pihak berkaitan.

**Komitmen Kewangan** terdiri daripada Komitmen Jaminan, Komitmen Pajakan Kewangan, Komitmen Bayaran Balik Cukai dan Komitmen Pampasan. Kedudukan Komitmen Kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2024 berjumlah RM297,165 juta, meningkat sebanyak RM11,531 juta (4.04%) berbanding RM285,634 juta pada tahun 2023. Nilai perbandingan Komitmen Kewangan bagi tahun 2024 telah dinyatakan semula susulan pengemaskinian amaun Komitmen Pajakan Kewangan.

Perbandingan Komitmen Kewangan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 27**.

**Komitmen Jaminan** terdiri daripada Komitmen Jaminan Dalam Negeri dan Luar Negeri. Ia menunjukkan peningkatan sebanyak RM8,825 juta (3.88%) pada tahun 2024 dengan nilai RM236,229 juta berbanding tahun 2023 berjumlah RM227,404 juta. Perbandingan Komitmen Jaminan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 28**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(c)(i) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 7 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Jaminan**.




Komitmen Jaminan merupakan pinjaman Syarikat Berkaitan Kerajaan dan Badan Berkanun yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan dan telah menjadi obligasi Kerajaan Persekutuan.

**Komitmen Pajakan Kewangan** terdiri daripada Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan dan Pajakan Kewangan Badan Berkanun yang merupakan obligasi bayaran pajakan Kerajaan Persekutuan di bawah perjanjian pajakan kewangan. Pada tahun 2024, jumlah Komitmen Pajakan Kewangan adalah RM26,660 juta yang terdiri daripada Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM16,675 juta (62.55%) dan Pajakan Kewangan Badan Berkanun sebanyak RM9,985 juta (37.45%). Jumlah Komitmen Pajakan Kewangan ini menurun sebanyak RM4,643 juta (14.83%) berbanding RM31,303 juta pada tahun 2023. Nilai Komitmen Pajakan Kewangan Kerajaan Persekutuan dan jumlah keseluruhan Komitmen Pajakan Kewangan bagi tahun 2023 telah dinyatakan semula disebabkan oleh pengiktirafan tambahan liabiliti. Perbandingan Komitmen Pajakan Kewangan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 29**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(c)(ii) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 8 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pajakan Kewangan**.


Carta 26

### Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta (RM juta)




Carta 27

### Komitmen Kewangan (RM juta)




Carta 28

### Komitmen Jaminan (RM juta)



Carta 29

### Komitmen Pajak Kewangan (RM juta)





Komitmen Bayaran Balik Cukai merupakan obligasi Kerajaan Persekutuan untuk membuat pembayaran balik cukai melibatkan Cukai Pendapatan, CKHT dan Cukai Barang dan Perkhidmatan tertakluk kepada proses semakan dan pengauditan.

**Komitmen Bayaran Balik Cukai** bagi tahun 2024 berjumlah RM33,342 juta, meningkat sebanyak RM7,831 juta (30.70%) berbanding RM25,511 juta pada tahun 2023. Pada tahun 2024, Komitmen Bayaran Balik Cukai Pendapatan berjumlah RM32,569 juta (97.68%), Komitmen Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) berjumlah RM748 juta (2.24%) manakala Komitmen Bayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan pula berjumlah RM25 juta (0.08%).

Perbandingan Komitmen Bayaran Balik Cukai bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 30**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(c)(iii) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

**Komitmen Pampasan** terdiri daripada Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya dan Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai Pendapatan. Secara keseluruhannya, Komitmen Pampasan pada tahun 2024 berjumlah RM934 juta berbanding RM1,416 juta dalam tahun 2023. Ia mencatatkan penurunan sebanyak RM482 juta (34.04%). Pada tahun 2024, Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya berjumlah RM907 juta, menurun sebanyak RM461 juta (33.70%) berbanding RM1,368 juta pada tahun 2023. Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai pula berjumlah RM27 juta, menurun sebanyak RM21 juta (43.75%) berbanding RM48 juta pada tahun sebelumnya.



Komitmen Pampasan Konsesi Lebuhraya ialah obligasi bayaran pampasan berdasarkan terma kontrak Kerajaan Persekutuan dengan syarikat pemegang konsesi. Manakala, Komitmen Pampasan Kelewatan Bayaran Balik Cukai pula ialah obligasi bayaran pampasan yang akan dibayar kepada pembayar cukai yang layak kerana kelewatan dalam membuat bayaran balik lebihan cukai pendapatan.

Perbandingan Komitmen Pampasan bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 31**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(c)(iv) – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 9 : Penyata Akaun Memorandum Liabiliti – Komitmen Pampasan**.

## Pelbagai Liabiliti

Pelbagai Liabiliti terdiri daripada Nota Kena Bayar, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat. Pada tahun 2024, Pelbagai Liabiliti berjumlah RM134 juta, menurun sebanyak RM24 juta (15.19%) berbanding RM158 juta pada tahun 2023. Pada tahun 2024, Nota Kena Bayar berjumlah RM87 juta, menurun sebanyak RM18 juta (17.14%) berbanding RM105 juta pada tahun 2023.

Akauntan Negara Malaysia bertindak sebagai pemegang amanah ke atas Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat bagi pihak Kerajaan Persekutuan. Menteri Kewangan telah menurunkan kuasa kepada Akauntan Negara Malaysia selaras dengan peruntukan Akta Perwakilan Kuasa 1956. Sekuriti Tak Dituntut yang dipegang oleh Akauntan Negara Malaysia adalah berdasarkan Seksyen 65 Akta Pemegang Amanah 1949, Seksyen 36 Akta Syarikat Amanah 1949 dan Seksyen 583 Akta Syarikat 2016.



Sementara itu, Akaun Depositori Pusat atas nama Menteri Kewangan ditadbir mengikut peruntukan Seksyen 14 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 (Akta 453) serta Seksyen 29 dan Seksyen 30 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan) (No.2) 1998 (Akta A1039).

Pada tahun 2024, Sekuriti Tak Dituntut dan Akaun Depositori Pusat berjumlah RM47 juta, turun sebanyak RM6 juta (11.32%) berbanding RM53 juta dalam tahun 2023. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan dalam kedua-dua komponen susulan tindakan Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. yang menghubungi syarikat yang telah dibatalkan penyenaraianya bagi menarik balik saham mereka (termasuk sekuriti) daripada Sistem Depositori Pusat (CDS).

Perbandingan baki Pelbagai Liabiliti mengikut komponen bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 32**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 10(d) – Nota Kepada Penyata Kewangan**.

### **Liabiliti Luar Jangka**

Liabiliti Luar Jangka terdiri daripada Jaminan Berkanun Kerajaan Persekutuan yang meliputi jaminan pinjaman kepada Badan Berkanun dan Syarikat Berkaitan Kerajaan di bawah akta yang berkuat kuasa, serta jaminan ke atas simpanan pencahuran atau pendeposit di Bank Simpanan Nasional, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Lembaga Tabung Haji dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional. Liabiliti ini hanya akan menjadi tanggungan Kerajaan sekiranya entiti yang dijamin gagal memenuhi obligasi kewangan masing-masing.


Pada tahun 2024, Liabiliti Luar Jangka Kerajaan Persekutuan termasuk jaminan yang telah menjadi komitmen Kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,748,548 juta, meningkat sebanyak RM133,746 juta (8.28%) berbanding RM1,614,802 juta pada tahun 2023. Jaminan simpanan pencahuran atau pendeposit berjumlah RM1,415,729 juta, meningkat sebanyak RM128,941 juta (10.02%) berbanding RM1,286,788 juta pada tahun 2023. Jaminan pinjaman Badan Berkanun pula berjumlah RM101,878 juta, meningkat sebanyak RM2,820 juta (2.85%) berbanding RM99,058 juta pada tahun sebelumnya. Manakala, jaminan pinjaman kepada Syarikat Berkaitan Kerajaan berjumlah RM230,941 juta meningkat sebanyak RM1,985 juta (0.87%) daripada RM228,956 juta pada tahun 2023.

Perbandingan amaun Jaminan Berkanun bagi tempoh lima (5) tahun adalah seperti di **Carta 33**.

Maklumat lanjut boleh dirujuk dalam **Nota 11 – Nota Kepada Penyata Kewangan** dan **Lampiran 10 : Penyata Akaun Memorandum Jaminan Berkanun**.

Carta 30

### Komitmen Bayaran Balik Cukai (RM juta)




Carta 31

### Komitmen Pampasan (RM juta)




Carta 32

### Pelbagai Liabiliti (RM juta)



Carta 33

### Jaminan Berkanun (RM juta)






## MENGHADAPI CABARAN MASA HADAPAN

Tahun 2024 memperlihatkan pencapaian membanggakan buat Malaysia. Daya saing Negara melonjak 11 anak tangga ke kedudukan ke-23 dalam Laporan Daya Saing Dunia 2025, sementara prestasi Ringgit turut mengukuh lebih 5% ketimbang Dolar Amerika pada separuh pertama tahun 2025 dan merupakan antara mata wang paling kukuh di rantau ini. Perkembangan ini mencerminkan kepercayaan pelabur dan masyarakat antarabangsa terhadap kecekapan pengurusan ekonomi Negara serta kestabilan dasar yang sedang dilaksanakan.

Pencapaian ini bukan datang secara kebetulan. Ia adalah hasil pendekatan berani, penyampaian dasar yang lebih cekap serta keteguhan institusi yang terus diperbaiki. Dalam menghadapi cabaran global yang tidak menentu, Malaysia telah memilih untuk bergerak maju dengan yakin, membuktikan bahawa Negara ini masih mempunyai asas kukuh dan potensi besar untuk melonjak lebih tinggi.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia kekal komited dalam menyediakan pelaporan kewangan yang telus dan berkualiti, menjadi rujukan utama dalam menilai kecekapan pengurusan sumber Negara. Keutuhan pelaporan kewangan bukan sahaja memperkukuh akauntabiliti, malah membina keyakinan semua pihak terhadap keupayaan Kerajaan mengemudi hala tuju Negara dengan berhemat dan berwibawa.

Melalui prestasi semasa sebagai asas dan momentum reformasi yang kian mantap, harapan besar disandarkan agar Malaysia dapat mengorak langkah lebih jauh dan kembali muncul sebagai Harimau Asia yang disegani, bukan hanya di rantau ini, tetapi juga di persada global. Inilah masanya untuk menjadikan semangat perubahan sebagai budaya kerja baharu, demi Malaysia yang lebih maju, adil dan makmur untuk semua.





# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**

## PENYATA KEWANGAN

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

GLOSARI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA  
PERBENDAHARAAN DAN  
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA


PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PENYATA PENERIMAAN DAN  
PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN PERSEKUTUAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Kerajaan Persekutuan dan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan serta Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard: Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Persekutuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pihak Berkuasa Kewangan, Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

## **Tanggungjawab Pihak Berkuasa Kewangan Terhadap Penyata Kewangan**

Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawai Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard: Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting. Pihak Berkuasa Kewangan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Kewangan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

## **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Persekutuan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pihak Berkuasa Kewangan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pihak Berkuasa Kewangan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Persekutuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.


Pihak Berkuasa Kewangan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Hal-hal Lain

Kerajaan Persekutuan hendaklah memberi perhatian kepada perkara berikut:

- a. Tindakan untuk mengutip tunggakan Pelbagai Akaun Belum Terima Hasil perlu dipertingkatkan bagi mengelakkan hapus kira, memandangkan berlakunya peningkatan tunggakan sejumlah RM5.039 bilion (12.8%) pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Jumlah Pelbagai Akaun Belum Terima Hasil pada tahun 2024 adalah berjumlah RM44.554 bilion.
- b. Status kutipan Deposit Wang Jaminan Jenayah hendaklah diselesaikan melalui apa-apa instrumen perundangan yang bersesuaian bagi menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan. Penyesuaian terhadap perbezaan baki juga perlu dibuat dengan segera supaya baki Akaun Deposit Wang Jaminan Jenayah adalah tepat.
- c. Mengambil tindakan untuk mengenakan dan mengutip anggaran penalti sejumlah RM54.51 juta terhadap kelewatan pembekalan kenderaan konsesi kepada Kerajaan. Penyelesaian isu penggantian kenderaan tamat tempoh pajakan juga perlu disegerakan.

Sijil ini disediakan selaras dengan Fasal (1) Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.




**(DATO' SERI WAN SURAYA WAN MOHD RADZI)**  
KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

**30** JULAI 2025





# GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2024

PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

WANG AWAM

— WANG TUNAI  
— PELABURAN

KUMPULAN WANG DISATUKAN

— AKAUN HASIL DISATUKAN  
— AKAUN PINJAMAN DISATUKAN  
— AKAUN AMANAH DISATUKAN

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

MEMORANDUM ASET

— AKAUN BELUM TERIMA  
— PELABURAN

MEMORANDUM LIABILITI

— HUTANG PERSEKUTUAN  
— LIABILITI INISIATIF PEMBIAYAAN SWASTA  
— KOMITMEN KEWANGAN  
— PELBAGAI LIABILITI

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

# PERNYATAAN KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN DAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 dan Nota Kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Pejabat Perakaunan Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan Kementerian.

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2024.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2024.



DATUK JOHAN BIN MAHMOOD MERICAN  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
27 Februari 2025



NOR YATI BINTI AHMAD  
Akauntan Negara Malaysia  
27 Februari 2025



# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

		2024	2023
		RM	RM
	<i>Nota</i>		
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	28,196,329,803	27,607,017,910
PELABURAN	4	37,746,800,277	42,158,943,323
		<b>65,943,130,080</b>	<b>69,765,961,233</b>
<b>DIPEGANG BAGI : KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	11,863,127,086	11,863,127,086
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	-	148,645,734
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	54,080,002,994	57,754,188,413
		<b>65,943,130,080</b>	<b>69,765,961,233</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikutnya merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024		2023	
		RM	RM	RM	RM
<b>TERIMAAN</b>					
<b>Hasil</b>	8				
Hasil Cukai		240,191,461,212		229,184,987,059	
Hasil Bukan Cukai		64,977,582,665		71,334,504,411	
Terimaan Bukan Hasil		11,441,364,548		5,615,618,878	
Hasil Wilayah Persekutuan		478,389,125	317,088,797,550	717,358,957	306,852,469,305
<b>Pinjaman</b>					
Dalam Negeri		202,248,348,425		241,509,299,435	
Luar Negeri		-	202,248,348,425	-	241,509,299,435
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral		-		-	
Pinjaman Bilateral		-	-	-	-
<b>Terimaan Modal</b>	8				
Terimaan Balik Pinjaman		1,579,450,062		937,956,667	
Jualan Aset Modal		52,450		12,611	
Pelbagai Terimaan		350,739,085		502,963,492	
Jualan Instrumen Kewangan		4,411,914,146	6,342,155,743	-	1,440,932,770
<b>Terimaan Amanah</b>	8				
Akaun Amanah PFI II *		-		3,887,973	
Pelbagai		1,543,959,012	1,543,959,012	-	3,887,973
<b>Jumlah Terimaan</b>			<b>527,223,260,730</b>		<b>549,806,589,483</b>

Nota: (\*) - Akaun Amanah PFI II ialah singkatan kepada Akaun Amanah Pelaksanaan Projek / Program / Aktiviti Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta

# PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI (sambungan) BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024		2023	
		RM	RM	RM	RM
<b>BAYARAN</b>					
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>	8				
Emolumen		95,935,832,990		91,859,514,598	
Perkhidmatan dan Bekalan		37,667,775,975		35,898,118,225	
Aset		1,188,547,474		1,022,594,763	
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		184,670,725,033		180,158,627,824	
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain		824,116,424	320,286,997,896	857,255,333	309,796,110,743
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>					
Langsung		83,216,205,191		94,868,859,830	
Pinjaman		795,390,273	84,011,595,464	1,220,877,293	96,089,737,123
<b>Perbelanjaan Kumpulan Wang COVID-19</b>					
Perbelanjaan COVID-19		-	-	-	-
<b>Pinjaman</b>					
Dalam Negeri		122,108,483,812		139,927,940,089	
Luar Negeri		-	122,108,483,812	-	139,927,940,089
<b>Bantuan Luar Negeri</b>					
Pinjaman Multilateral		27,359,178		27,825,438	
Pinjaman Bilateral		199,512,487	226,871,665	220,534,047	248,359,485
<b>Perbelanjaan Modal</b>					
Pembelian Instrumen Kewangan		-	-	6,880,453,159	6,880,453,159
<b>Perbelanjaan Amanah</b>					
Akaun Amanah PFI II *		-		435,687,267	
Pelbagai		-	-	17,324,185,306	17,759,872,573
<b>Jumlah Bayaran</b>			<b>526,633,948,837</b>		<b>570,702,473,172</b>
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai			589,311,893		(20,895,883,689)
Wang Tunai Pada 1 Januari			27,607,017,910		48,502,901,599
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>			<b>28,196,329,803</b>		<b>27,607,017,910</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikutnya merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

Nota: (\*) - Akaun Amanah PFI II ialah singkatan kepada Akaun Amanah Pelaksanaan Projek / Program / Aktiviti Menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta

# PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024


	Nota	2024		2023
		Anggaran RM	Sebenar RM	Sebenar RM
Hasil	5	322,050,247,000	324,617,649,248	314,959,481,731
<i>Tolak :</i>				
Belanja Mengurus	5	307,275,551,900	321,508,948,391	311,266,917,827
<b>LEBIHAN/(KURANGAN) HASIL</b>		<b>14,774,695,100</b>	<b>3,108,700,857</b>	<b>3,692,563,904</b>
<i>Tolak :</i>				
Belanja Pembangunan	7	85,152,335,350	84,011,595,464	96,089,737,123
Belanja Kumpulan Wang COVID-19	7	-	-	-
<b>KURANGAN KESELURUHAN</b>		<b>(70,377,640,250)</b>	<b>(80,902,894,607)</b>	<b>(92,397,173,219)</b>
<b>KURANGAN DIBIYAI OLEH:</b>				
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri	6		79,912,992,948	101,332,999,861
Terimaan Balik Pinjaman, Jualan Aset Modal dan Pelbagai Terimaan	7		3,587,681,657	1,510,317,308
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah			(2,597,779,998)	(10,446,143,950)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>			<b>80,902,894,607</b>	<b>92,397,173,219</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikutnya merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini

# PENYATA AKAUN MEMORANDUM PADA 31 DISEMBER 2024

		<b>2024</b>	<b>2023</b>
		<b>RM</b>	<b>RM</b>
	<b>Nota</b>		
<b>MEMORANDUM ASET</b>	9		
Akaun Belum Terima		103,158,407,176	98,367,476,300
Pelaburan		34,690,492,524	34,821,492,525
<b>Jumlah Aset</b>		<b>137,848,899,700</b>	<b>133,188,968,825</b>
<b>MEMORANDUM LIABILITI</b>	10		
Hutang Persekutuan		1,247,613,545,373	1,172,509,451,502
Liabiliti Inisiatif Pembiayaan Swasta		32,905,600,585	33,470,600,585
Komitmen Kewangan		297,164,856,524	285,633,903,408
Pelbagai Liabiliti		133,924,597	157,532,088
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>1,577,817,927,079</b>	<b>1,491,771,487,583</b>

Nota-nota pada muka surat yang berikutnya merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini





# PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN


FEDERAL GOVERNMENT  
FINANCIAL STATEMENTS

**2024**

## **PENYATA KEWANGAN**

NOTA KEPADA  
PENYATA KEWANGAN







# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

### 1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan digunakan secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.
- b) Perakaunan Kerajaan Persekutuan adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
  - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
  - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Parlimen kecuali untuk Perbelanjaan Tanggungan tertentu.
  - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagikan kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Persekutuan mengamalkan asas perakaunan tunai ubah suai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
  - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa;
  - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai terimaan tahun kewangan semasa; dan
  - iii) Mengakaunkan urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, untung rugi pelaburan, hapus kira pinjaman daripada akaun amanah dan pertukaran pinjaman kepada pegangan ekuiti.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua kementerian dan jabatan Kerajaan Persekutuan.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini ialah Ringgit Malaysia. Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukarkan kepada nilai setara Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan terhadap persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.
- i) Amaun telah digenapkan kepada Ringgit Malaysia yang terdekat yang mungkin memberi kesan perbezaan RM1 bagi beberapa butiran yang dinyatakan antara Penyata Kewangan dengan Nota Kepada Penyata Kewangan.

### 2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen seperti berikut:

- a) Penyata Kedudukan Kewangan;
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai;
- c) Penyata Prestasi Kewangan;
- d) Penyata Akaun Memorandum; dan
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

### 3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan selaras dengan perenggan 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang telah dikenal pasti yang belum diakaunkan dalam buku tunai Pejabat Perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024 RM	2023 RM
<b>WANG TUNAI</b>	<b>28,196,329,803</b>	<b>27,607,017,910</b>
Wang Tunai Dalam Bank	27,598,562,879	26,685,449,061
Wang Tunai Dalam Perjalanan	595,166,849	918,966,224
Wang Tunai Dalam Tangan	2,600,075	2,602,625

### 4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku iaitu termasuk amaun pelunasan, sekiranya ada.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan surat ikatan amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am ialah semua pelaburan yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

Pelaburan yang melibatkan Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri, Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia, Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri dan Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri ialah pegangan instrumen hutang yang dikeluarkan oleh entiti terbabit. Manakala, pelaburan dalam bentuk Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri, Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri dan Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri ialah pegangan ekuiti.

Pelaburan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024 Nilai Buku		2023 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah RM	Pelaburan Am RM
<b>PELABURAN</b>	<b>37,746,800,277</b>		<b>42,158,943,323</b>	
Sekuriti Hutang Kerajaan Luar Negeri	4,432,094,309	-	4,544,932,407	-
Sekuriti Hutang Kerajaan Malaysia	1,744,920,038	-	1,393,896,094	-
Sekuriti Hutang Swasta Luar Negeri	1,673,176,497	-	2,152,492,289	-
Sekuriti Hutang Swasta Dalam Negeri	4,855,740,106	-	4,477,087,246	-
Sekuriti Tersiar Harga Luar Negeri	1,815,748,157	-	1,325,769,994	-
Sekuriti Tersiar Harga Dalam Negeri	3,527,617,677	-	3,121,518,450	-
Sekuriti Tidak Tersiar Harga Dalam Negeri	440,108,058	6,717,761,577	440,108,058	6,717,761,577
Deposit Jangka Pendek Luar Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	-	5,618,500	-	5,847,400
Deposit Jangka Pendek Dalam Negeri Melebihi 3 - 12 Bulan	11,770,518,800	762,554,000	15,303,587,250	2,675,000,000
Pelbagai	-	942,558	-	942,558
<b>Jumlah</b>	<b>30,259,923,642</b>	<b>7,486,876,635</b>	<b>32,759,391,788</b>	<b>9,399,551,535</b>

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## 5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Lebihan hasil tahun semasa yang berjumlah RM3,108,700,857 telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan. Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan kekal sebanyak RM11,863,127,086 semenjak tahun 1996.

Penyata Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024 Anggaran Disemak RM	2024 Sebenar		2023 Sebenar	
		RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		<b>11,863,127,086</b>		<b>11,863,127,086</b>	
<b>HASIL</b>	<b>322,050,247,000</b>	<b>324,617,649,248</b>	<b>100.80</b>	<b>314,959,481,731</b>	<b>103.88</b>
Hasil Cukai	241,035,290,000	240,191,461,212	99.65	229,184,987,059	100.07
Hasil Bukan Cukai	72,435,726,000	70,098,174,893	96.77	79,032,048,178	114.37
Terimaan Bukan Hasil	7,929,665,000	13,849,624,018	174.66	6,025,087,538	130.12
Hasil Wilayah Persekutuan	649,566,000	478,389,125	73.65	717,358,956	161.10
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>	<b>307,275,551,900</b>	<b>321,508,948,391</b>	<b>104.63</b>	<b>311,266,917,827</b>	<b>106.30</b>
Emolumen	96,425,914,383	95,935,832,990	99.49	91,859,514,598	101.52
Perkhidmatan dan Bekalan	36,771,815,504	37,667,775,975	102.44	35,898,118,225	109.14
Aset	1,266,491,857	1,188,547,474	93.85	1,022,594,763	98.12
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	171,951,319,763	*185,865,848,633	108.09	*181,628,774,424	108.42
Perbelanjaan-perbelanjaan Lain	860,010,393	850,943,319	98.95	857,915,817	99.85
Pindahan Lebihan Hasil ke Kumpulan Wang Pembangunan		3,108,700,857		3,692,563,904	
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)</b>	<b>307,275,551,900</b>	<b>324,617,649,248</b>	<b>105.64</b>	<b>314,959,481,731</b>	<b>107.56</b>
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		-		-	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>11,863,127,086</b>		<b>11,863,127,086</b>	

Nota: (\*) - Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan

### (a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh undang-undang.

Perbezaan antara Anggaran Asal, Anggaran Disemak dan Hasil Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia.

Hasil mengikut penjenisan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024		2024 Sebenar		2023 Sebenar	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
<b>HASIL</b>	<b>307,600,000,000</b>	<b>322,050,247,000</b>	<b>324,617,649,248</b>	<b>100.80</b>	<b>314,959,481,731</b>	<b>103.88</b>
<b>HASIL CUKAI</b>	<b>243,620,003,000</b>	<b>241,035,290,000</b>	<b>240,191,461,212</b>	<b>99.65</b>	<b>229,184,987,059</b>	<b>100.07</b>
<b>Cukai Langsung</b>	<b>185,000,000,000</b>	<b>177,060,337,000</b>	<b>171,692,768,698</b>	<b>96.97</b>	<b>171,336,413,425</b>	<b>99.03</b>
Cukai Pendapatan	174,756,995,000	165,310,278,000	158,870,355,636	96.10	159,745,017,579	98.17
Cukai Langsung yang Lain	10,243,005,000	11,750,059,000	12,822,413,062	109.13	11,591,395,846	112.66
<b>Cukai Tidak Langsung</b>	<b>58,620,003,000</b>	<b>63,974,953,000</b>	<b>68,498,692,514</b>	<b>107.07</b>	<b>57,848,573,634</b>	<b>103.30</b>
Duti Kastam - Eksport	1,900,000,000	1,974,019,000	2,091,735,092	105.96	2,038,730,210	113.26
Duti Kastam - Import	3,200,000,000	3,027,221,000	3,072,502,541	101.50	3,036,747,835	99.96
Duti Eksais Terhadap Barangan Tempatan	6,516,285,000	6,667,562,000	6,704,465,519	100.55	6,374,087,806	101.55
Cukai Jualan atas Barang-barang Perkilangan Dalam Negeri	7,988,544,000	8,068,966,000	8,239,002,723	102.11	7,692,663,740	100.13
Cukai Jualan atas Barangan Import	10,311,460,000	11,343,838,000	13,270,673,988	116.99	10,680,411,081	107.70
Cukai Perkhidmatan	17,500,000,000	21,500,560,000	23,247,651,872	108.13	17,089,623,110	102.95
Levi	1,380,000,000	1,456,102,000	1,958,428,817	134.50	1,304,298,822	104.93

(disambung)

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

(sambungan)

	2024		2024		2023	
	Anggaran Asal RM	Anggaran Disemak RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
Duti Eksais Terhadap Barangan Import	7,083,714,000	7,016,582,000	6,678,316,267	95.18	6,769,901,075	99.22
Pelbagai Cukai Tidak Langsung	2,620,000,000	2,800,000,000	2,926,894,344	104.53	2,676,024,643	107.04
Cukai Pelancongan	120,000,000	120,103,000	309,021,351	257.30	186,085,312	155.07
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>	<b>60,370,845,000</b>	<b>72,435,726,000</b>	<b>70,098,174,893</b>	<b>96.77</b>	<b>79,032,048,178</b>	<b>114.37</b>
Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit	14,610,769,000	16,546,753,000	17,041,214,097	102.99	16,741,193,513	108.25
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,395,657,000	2,889,627,000	3,031,328,490	104.90	2,846,338,900	124.30
Perolehan daripada Jualan Barang-barang	24,691,000	96,014,000	297,014,996	309.35	87,599,545	144.83
Sewaan	415,066,000	215,510,000	312,155,234	144.84	275,998,288	66.58
Faedah dan Perolehan daripada Pelaburan, Pinjaman Persekutuan dan Terbitan Instrumen Kewangan Kerajaan	39,709,820,000	49,320,811,000	45,782,168,816	92.83	55,824,287,454	116.85
Denda dan Hukuman	1,619,562,000	1,692,741,000	2,010,003,893	118.74	1,677,826,628	110.01
Sumbangan dan Bayaran Ganti dari Luar Negeri dan Sumbangan Tempatan	-	68,873,000	96,775,227	140.51	6,057,545	-
Aktiviti Mencari Gali Minyak dan Gas	1,595,280,000	1,605,397,000	1,527,514,140	95.15	1,572,746,305	99.87
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>	<b>2,894,576,000</b>	<b>7,929,665,000</b>	<b>13,849,624,018</b>	<b>174.66</b>	<b>6,025,087,538</b>	<b>130.12</b>
Pulangan Balik Perbelanjaan	1,351,626,000	4,084,678,000	3,195,315,865	78.23	1,969,089,297	174.27
Terimaan daripada Agensi-agensi Kerajaan	1,542,905,000	3,844,862,000	10,654,226,011	277.10	4,055,973,803	115.87
Terimaan Pelarasan	45,000	125,000	82,142	65.71	24,438	33.94
<b>HASIL WILAYAH PERSEKUTUAN</b>	<b>714,576,000</b>	<b>649,566,000</b>	<b>478,389,125</b>	<b>73.65</b>	<b>717,358,956</b>	<b>161.10</b>
Hasil Cukai Wilayah Persekutuan	635,773,000	543,526,000	378,719,956	69.68	611,729,203	154.40
Hasil Bukan Cukai Wilayah Persekutuan	78,803,000	106,040,000	99,669,169	93.99	105,629,753	215.23

## (b) Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Bekalan. Perbelanjaan Tanggungan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan mengikut undang-undang Persekutuan selaras dengan Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan. Perbelanjaan Bekalan ialah perbelanjaan yang dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan yang diluluskan oleh Parlimen selaras dengan Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan. Penjenisan Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada emolumen, perkhidmatan dan bekalan, aset, pemberian dan kenaan bayaran tetap dan perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Perbelanjaan Bekalan yang melebihi peruntukan dikenakan kepada Kumpulan Wang Disatukan melalui Akta Perbekalan Tambahan selaras dengan Perkara 101(b) Perlembagaan Persekutuan.

Perbelanjaan Mengurus berjumlah RM321,508,948,391 dan tiada penyaluran geran kepada syarikat berkaitan Kerajaan.

Perbezaan antara Anggaran Asal, Anggaran Dipinda dan Perbelanjaan Sebenar diterangkan di dalam Laporan Akauntan Negara Malaysia. Maklumat terperinci Perbelanjaan Mengurus boleh dirujuk di Lampiran 1: Penyata Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024			
	Anggaran Asal RM	Anggaran Dipinda RM	Sebenar RM	% Anggaran
<b>PERBELANJAAN MENGURUS</b>	<b>303,800,000,000</b>	<b>307,275,551,900</b>	<b>324,617,649,248</b>	<b>105.64</b>
<b>PERBELANJAAN TANGGUNGAN</b>	<b>89,245,735,700</b>	<b>93,013,968,600</b>	<b>91,843,662,273</b>	<b>98.74</b>
T. 01 Peruntukan Diraja Bagi S.P.B. Yang Di-Pertuan Agong	13,533,000	13,533,000	13,306,442	98.33
T. 02 Elaun-elaun Diraja	1,337,000	1,337,000	1,312,742	98.19
T. 03 Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim	120,000,000	120,000,000	110,151,571	91.79
T. 04 Ketua Audit Negara	900,400	900,400	817,604	90.80
T. 05 Yang Di-Pertua Dewan Rakyat	564,000	564,000	564,000	100.00
T. 06 Yang Di-Pertua Dewan Negara	504,000	504,000	375,892	74.58
T. 07 Suruhanjaya Pilihan Raya	2,623,900	2,623,900	2,284,730	87.07
T. 08 Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan	11,600	11,600	5,800	50.00
T. 09 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	6,291,600	6,291,600	4,455,343	70.81
T. 10 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	5,245,500	5,245,500	5,226,599	99.64
T. 11 Suruhanjaya Pasukan Polis	2,002,100	2,584,500	2,313,495	89.51
T. 12 Perbendaharaan	7,292,722,600	7,610,373,100	7,599,169,956	99.85
T. 13 Perbelanjaan Kerana Hutang Negara	49,800,000,000	50,500,000,000	50,481,359,234	99.96
T. 14 Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran	32,000,000,000	34,750,000,000	33,622,318,865	96.75
<b>PERBELANJAAN BEKALAN</b>	<b>214,554,264,300</b>	<b>214,261,583,300</b>	<b>232,773,986,975</b>	<b>108.64</b>
B. 01 Parlimen	167,800,200	167,800,200	161,265,784	96.11
B. 02 Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	3,604,700	3,604,700	3,205,325	88.92
B. 03 Jabatan Audit Negara	166,701,600	166,701,600	166,700,292	99.99
B. 04 Suruhanjaya Pilihan Raya	64,333,500	72,527,700	71,692,050	98.85
B. 05 Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	45,076,500	45,076,500	43,560,060	96.64
B. 06 Jabatan Perdana Menteri	4,964,571,000	4,856,919,400	4,775,178,337	98.32
B. 07 Jabatan Perkhidmatan Awam	479,500,000	501,173,000	1,649,317,595	329.09
B. 08 Jabatan Peguam Negara	241,567,100	234,567,100	226,175,552	96.42
B. 09 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	313,000,600	313,000,600	312,998,456	99.99
B. 10 Perbendaharaan	4,414,561,900	4,414,561,900	4,414,558,227	99.99
B. 11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan	47,903,236,700	47,903,236,700	60,371,261,102	126.03
B. 12 Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	1,660,700,400	1,667,527,200	*4,775,227,657	286.37
B. 13 Kementerian Luar Negeri	916,848,600	916,848,600	855,341,185	93.29
B. 14 Kementerian Perpaduan Negara	547,590,900	549,024,100	549,021,695	99.99
B. 15 Kementerian Ekonomi	551,686,500	544,176,500	544,176,297	99.99
B. 20 Kementerian Perladangan dan Komoditi	428,310,200	327,310,200	318,764,224	97.39
B. 21 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	4,416,168,800	4,416,168,800	4,416,167,087	99.99
B. 22 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah	4,115,413,600	3,925,711,600	3,915,541,960	99.74
B. 23 Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam	1,702,499,200	1,362,411,900	1,361,755,725	99.95
B. 24 Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	640,811,600	640,811,600	636,975,881	99.40
B. 25 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup	1,813,000,000	1,812,216,300	2,889,360,156	159.44
B. 26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	231,771,500	232,555,200	229,535,709	98.70
B. 27 Kementerian Kerja Raya	949,372,700	949,372,700	948,012,771	99.86
B. 28 Kementerian Pengangkutan	1,642,026,100	1,642,026,100	1,627,762,406	99.13
B. 30 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	705,625,500	705,625,500	692,067,633	98.08
B. 31 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya	933,539,300	933,539,300	921,065,777	98.66
B. 33 Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air	-	330,087,300	321,106,471	97.28
B. 40 Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan	22,023,900	22,023,900	21,945,245	99.64
B. 42 Kementerian Kesihatan	35,150,181,800	35,150,181,800	33,951,697,947	96.59
B. 43 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,868,236,300	1,868,236,300	1,868,234,280	99.99
B. 45 Kementerian Belia dan Sukan	632,722,100	567,809,900	567,808,977	99.99
B. 46 Kementerian Sumber Manusia	889,552,900	889,552,900	889,550,747	99.99
B. 47 Kementerian Komunikasi	1,048,270,300	1,028,735,570	1,028,732,729	99.99
B. 48 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	3,256,997,500	3,256,997,500	3,233,117,850	99.27
B. 50 Kementerian Digital	-	176,502,330	166,479,612	94.32
B. 60 Kementerian Pertahanan	12,678,525,900	12,678,525,900	12,678,524,720	99.99
B. 62 Kementerian Dalam Negeri	13,984,821,600	13,984,821,600	13,984,818,361	99.99
B. 63 Kementerian Pendidikan	52,790,824,900	52,790,824,900	54,554,493,628	103.34
B. 64 Kementerian Pendidikan Tinggi	12,212,788,400	12,212,788,400	12,630,787,465	103.42

Nota : (\*) - Termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM3,108,700,857

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## 6. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan mengaakunkan semua urus niaga Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri mengikut akta-akta yang berkaitan.

Pinjaman terdiri daripada Pinjaman Dalam Negeri dan Pinjaman Luar Negeri. Instrumen Pinjaman Dalam Negeri terdiri daripada Bil Perbendaharaan, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Sukuk. Instrumen Pinjaman Luar Negeri terdiri daripada Sukuk dan Bon manakala Bantuan Luar Negeri terdiri daripada pinjaman Bilateral dan Multilateral.

Baki Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri dipindahkan ke Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM76,994,365,064.

Pada tahun 2024, pelarasan kepada Akaun Premium/Diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia adalah berjumlah RM3,067,273,618.

Bayaran faedah pinjaman dan kos lain untuk mendapatkan pinjaman dikenakan kepada Perbelanjaan Tanggungan (T13) berjumlah RM50,481,359,234 seperti di Nota 5(b).

Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri berjumlah RM79,912,992,948 di Penyata Prestasi Kewangan ialah terimaan bersih tahun semasa.

Penyata Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024 (Debit)/Kredit RM	2023 (Debit)/Kredit RM
<b>PINJAMAN</b>	<b>80,288,510,347</b>	<b>101,581,359,346</b>
<b>Dalam Negeri</b>		
Baki pada 1 Januari	148,645,734	-
Terimaan	202,248,348,425	241,509,299,435
Bayaran	(122,108,483,812)	(139,927,940,089)
Baki pada 31 Disember	80,288,510,347	101,581,359,346
<b>Luar Negeri</b>		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	-	-
Baki pada 31 Disember	-	-
<b>BANTUAN LUAR NEGERI</b>	<b>(226,871,665)</b>	<b>(248,359,485)</b>
<b>Pinjaman Multilateral</b>		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	(27,359,178)	(27,825,438)
Baki pada 31 Disember	(27,359,178)	(27,825,438)
<b>Pinjaman Bilateral</b>		
Baki pada 1 Januari	-	-
Terimaan	-	-
Bayaran	(199,512,487)	(220,534,047)
Baki pada 31 Disember	(199,512,487)	(220,534,047)
<b>Jumlah Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri pada 31 Disember</b>	<b>80,061,638,682</b>	<b>101,332,999,861</b>
<b>Pelarasan :</b>		
<i>Akaun Premium/Diskaun bagi Terbitan Pelaburan Kerajaan dan Sekuriti Kerajaan Malaysia</i>	(3,067,273,618)	(8,775,782,404)
<b>Pindahan Ke :</b>		
<i>Kumpulan Wang Pembangunan Kumpulan Wang COVID-19</i>	(76,994,365,064)	(92,408,571,723)
<b>BAKI AKAUN PINJAMAN DISATUKAN PADA 31 DISEMBER</b>	<b>-</b>	<b>148,645,734</b>

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## 7. AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan mengakaunkan semua terimaan dan bayaran wang amanah mengikut kehendak undang-undang, akta-akta amanah, surat ikatan amanah, arahan amanah dan perjanjian. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit.

Sebahagian besar urus niaga Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan yang melibatkan transaksi pelarasan debit berjumlah RM1,451,966,124,952 dan kredit RM1,446,834,764,723.

Penyata Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	<b>Baki pada 1.1.2024 (Debit)/Kredit RM</b>	<b>Debit RM</b>	<b>Kredit RM</b>	<b>Baki pada 31.12.2024 (Debit)/Kredit RM</b>
<b>KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>	<b>35,426,755,982</b>	<b>1,617,904,258,161</b>	<b>1,614,113,538,959</b>	<b>31,636,036,780</b>
Kumpulan Wang Pembangunan	(10,217,379,166)	143,403,913,912	143,083,066,026	(10,538,227,052)
Kumpulan Wang COVID-19	-	-	-	-
Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	45,644,135,148	1,474,500,344,249	1,471,030,472,933	42,174,263,832
<b>KUMPULAN WANG AMANAH AWAM</b>	<b>9,061,122,078</b>	<b>13,452,988,749</b>	<b>14,012,627,258</b>	<b>9,620,760,587</b>
Kumpulan Wang Amanah Am	5,503,813,531	12,792,151,659	13,239,674,149	5,951,336,021
Kumpulan Wang Amanah Khas	3,557,308,547	660,837,090	772,953,109	3,669,424,566
<b>AKAUN DEPOSIT</b>	<b>13,266,310,353</b>	<b>7,373,340,653</b>	<b>6,930,235,927</b>	<b>12,823,205,627</b>
Deposit Am	12,598,594,083	5,467,288,588	5,518,384,377	12,649,689,872
Deposit Pelarasan	667,716,270	1,906,052,065	1,411,851,550	173,515,755
<b>AKAUN AMANAH DISATUKAN</b>	<b>57,754,188,413</b>	<b>1,638,730,587,563</b>	<b>1,635,056,402,144</b>	<b>54,080,002,994</b>

### (a) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang COVID-19 dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan.

#### (i) Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulan Wang Pembangunan mengakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406].

Terimaan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan, pindahan daripada Kumpulan Wang COVID-19, terimaan balik pinjaman yang dikeluarkan daripada kumpulan wang ini, jualan aset modal dan pelbagai terimaan.

Perbelanjaan Pembangunan berjumlah RM84,011,595,464 adalah termasuk penyaluran geran berjumlah RM11,049,022,900 yang merangkumi bayaran pokok, faedah dan kos lain bagi pinjaman yang dijamin kepada syarikat berkaitan Kerajaan.

Maklumat terperinci Perbelanjaan Pembangunan boleh dirujuk di Lampiran 2 : Penyata Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	<b>2024</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	<b>(10,217,379,166)</b>	<b>(11,951,027,051)</b>
<b>TERIMAAN</b>	83,690,747,578	97,823,385,008
Caruman Daripada Akaun Hasil Disatukan	3,108,700,857	3,692,563,904
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	76,994,365,064	92,408,571,723
Pindahan Daripada Kumpulan Wang COVID-19	-	211,932,073
Terimaan Balik Pinjaman	1,736,890,122	1,007,341,205
Jualan Aset Modal	52,450	12,611
Pelbagai Terimaan	1,850,739,085	502,963,492
<b>BAYARAN</b>		
Perbelanjaan Pembangunan	84,011,595,464	96,089,737,123
Langsung	83,216,205,191	94,868,859,830
Pinjaman	795,390,273	1,220,877,293
<b>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</b>	<b>(320,847,886)</b>	<b>1,733,647,885</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>(10,538,227,052)</b>	<b>(10,217,379,166)</b>

(ii) **Kumpulan Wang COVID-19**

Kumpulan Wang COVID-19 ialah Kumpulan Wang Amanah Kerajaan yang diwartakan penubuhannya pada 26 Oktober 2020 dan berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022.

Kumpulan Wang COVID-19 pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	<b>2024</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>	-	<b>211,932,073</b>
<b>TERIMAAN</b>	-	-
Pindahan Daripada Akaun Pinjaman Disatukan	-	-
Pelbagai Terimaan	-	-
<b>BAYARAN</b>		
Perbelanjaan COVID-19	-	-
<b>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun</b>	-	-
<b>PINDAHAN KE</b>		
Kumpulan Wang Pembangunan	-	(211,932,073)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	-	-



# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## (iii) Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud tertentu. Sumber kewangan utama kumpulan wang ini ialah caruman daripada Kerajaan. Sebahagian daripada kumpulan wang ini merupakan kumpulan wang pusingan manakala yang lain adalah bagi bayaran langsung.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	2024 (Debit)/Kredit RM	2023 (Debit)/Kredit RM
<b>AKAUN PENYELESAIAN</b>	<b>13,750,011,950</b>	<b>18,881,372,179</b>
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	13,749,011,950	18,880,372,179
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	1,000,000	1,000,000
<b>AKAUN PERNIAGAAN</b>	<b>150,291,462</b>	<b>150,174,253</b>
Akaun Stor dan Woksypok Tak Beruntung	150,291,462	150,174,253
<b>AKAUN PINJAMAN</b>	<b>3,506,557,407</b>	<b>4,551,393,675</b>
Kumpulan Wang Amanah Kontraktor	1,373,005	3,720,967
Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia	15,976,675	15,388,274
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	161,456,233	130,556,471
Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Diraja	834,957	799,478
Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan kepada Golongan Berpendapatan Rendah	43,936,004	35,170,712
Kumpulan Wang Amanah Rakyat Malaysia di Luar Negeri	2,650,398	1,466,566
Kumpulan Wang Amanah Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia	385,484,767	559,368,838
Kumpulan Wang Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Pelajaran Persekutuan	559,376,993	504,139,721
Kumpulan Wang Pinjaman Kepada Badan Berkanun dan Badan-Badan Lain	1,288,730,692	2,183,265,386
Pembiayaan Komputer Anggota Perkhidmatan Awam	37,454,024	37,003,011
Pendahuluan Diri (Pegawai Awam)	100,092,487	128,823,589
Pendahuluan Pelbagai	47,056,907	45,484,850
Pendahuluan Untuk Negeri	798,813,583	842,783,583
Pinjaman Kenderaan	63,320,682	63,422,229
<b>KUMPULAN WANG LUAR JANGKA</b>	<b>1,449,087,300</b>	<b>721,367,550</b>
Kumpulan Wang Luar Jangka	1,449,087,300	721,367,550
<b>PELBAGAI KUMPULAN WANG</b>	<b>23,318,315,713</b>	<b>21,339,827,491</b>
Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam	565,304	566,341
Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara	323,768,318	192,708,844
Kumpulan Wang Amanah Bantuan Mangsa Serangan Binatang Buas	20	20
Kumpulan Wang Amanah Cadangan Untuk Negeri	352,524,169	457,463,801
Kumpulan Wang Amanah Dana Automotif Bumiputra	475,754	475,754
Kumpulan Wang Amanah Fi Jaminan	750,969,941	683,870,413
Kumpulan Wang Amanah Kebajikan dan Kemudahan Bagi Penuntut di Luar Negeri	1,892,897	1,886,059
Kumpulan Wang Amanah Kebudayaan dan Kebajikan Penggiat Seni	1,094,583	462,138
Kumpulan Wang Amanah Kedaulatan Maritim Negara	1,028,110	952,007
Kumpulan Wang Amanah Kursi Eropah Bagi Pengajian Melayu Leiden University, The Netherlands	694	694
Kumpulan Wang Amanah Lembaga Peperiksaan Malaysia	148,137,673	107,741,438
Kumpulan Wang Amanah Malaysia Science Endowment (MSE)	30,032,685	29,812,996
Kumpulan Wang Amanah Negara	19,906,226,660	19,055,144,798
Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin	23,145,995	68,012,293
Kumpulan Wang Amanah Pendidikan, Perundingan dan Penyelidikan, Institut Penilaian Negara	1,446,373	2,069,711
Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam	4,613,074	4,613,074
Kumpulan Wang Amanah Pengurusan Perolehan Setem Cukai (Bandarol) untuk Rokok dan Minuman Keras	33,964,363	36,128,620
Kumpulan Wang Amanah Penjelas Hutang	3,381,166	3,381,166
Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan	35,218,580	35,118,430
Kumpulan Wang Amanah Perpustakaan Negara	680,214	659,010
Kumpulan Wang Amanah Program Perumahan Rakyat Dimiliki	85,505,706	92,728,581
Kumpulan Wang Amanah Projek Penandaan dan Pengukuran Sempadan Bersama di Antara Negeri-negeri Semenanjung Malaysia	8,664,832	4,277,392
Kumpulan Wang Amanah Skim Biasiswa Sukan Persekutuan	2,461,384	1,749,316
Kumpulan Wang Amanah Sokongan Keluarga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia	15,713,744	15,595,702
Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara	22,562,862	16,261,497
Kumpulan Wang Amanah Tabung Bantuan Perubatan (TBP)	53,362,030	67,823,804
Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai	1,169,145,336	180,700,678
Kumpulan Wang Amanah Tabung Khas Hakmilik Strata	1,498,884	2,799,404
Kumpulan Wang Amanah Tabung Konservasi Sumber Asli Nasional	13,171,667	16,418,753
Kumpulan Wang Amanah Tabung Pustaka Peringatan P. Ramlee	60,171	58,419
Kumpulan Wang Amanah Taman Laut dan Rizab Laut	20,315,100	15,470,772
Kumpulan Wang Bagi Bayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP)	306,687,424	244,875,566
<b>PELBAGAI KUMPULAN WANG AMANAH KERAJAAN</b>	<b>42,174,263,832</b>	<b>45,644,135,148</b>

# NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

## (b) Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam mengaunkan terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Kumpulan Wang Amanah Awam terdiri daripada Amanah Khas yang diwujudkan di bawah akta yang tersendiri dan Amanah Am yang diwujudkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah sumbangan daripada badan atau perseorangan untuk tujuan tertentu.

Akaun Amanah yang matan bagi setiap Kumpulan Wang Amanah Awam pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	<b>2024</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>
<b>AMANAH AM</b>	<b>5,951,336,021</b>	<b>5,503,813,531</b>
Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset	1,784,723,066	1,344,971,032
Akaun Amanah Dana Khas Kerajaan Persekutuan	1,225,779,061	1,037,305,250
Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik	913,890,404	886,431,163
Akaun Amanah Membangun/Menaiktaraf Sistem Pembetulan untuk Pembangunan Baharu	403,951,839	426,379,455
Akaun Amanah Sumber Khas	318,742,909	392,241,965
Pelbagai Amanah Am	1,304,248,742	1,416,484,666
	<b>3,669,424,566</b>	<b>3,557,308,547</b>
<b>AMANAH KHAS</b>		
Akaun Amanah Estet Kebankrapan	2,124,646,309	2,104,346,115
Akaun Amanah Tabung Bantuan Insolvensi	406,877,876	372,633,891
Akaun Amanah Faedah atas Pelaburan untuk Deposit Mahkamah	351,074,346	321,421,894
Akaun Amanah Am Pelikuidasi	313,326,416	288,567,298
Kumpulan Wang Dirus Api	301,624,895	308,661,188
Pelbagai Amanah Khas	171,874,724	161,678,161
	<b>9,620,760,587</b>	<b>9,061,122,078</b>

## (c) Akaun Deposit

Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am ialah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai. Deposit Pelarasan ialah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Akaun Deposit yang dilaporkan ini tidak termasuk Wang Jaminan Jenayah yang diakaunkan di bawah sistem e-Jamin berjumlah RM193,705,755.

Akaun Deposit yang matan bagi setiap kategori Deposit pada 31 Disember 2024 adalah seperti berikut:

	<b>2024</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>	<b>2023</b> <b>(Debit)/Kredit</b> <b>RM</b>
<b>DEPOSIT AM</b>	<b>12,649,689,872</b>	<b>12,598,594,083</b>
Deposit Kawalan Wang Tak Dituntut	7,671,213,582	8,191,452,886
Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan	2,121,934,206	1,826,217,893
Deposit Mahkamah Tinggi	1,383,135,761	1,153,364,778
Deposit Imigresen	457,972,912	438,574,707
Deposit Cagaran	240,260,435	242,328,305
Pelbagai Deposit Am	775,172,976	746,655,514
	<b>173,515,755</b>	<b>667,716,270</b>
<b>DEPOSIT PELARASAN</b>		
Akaun Terimaan Tidak Diperuntukkan	117,603,997	595,337,221
Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	39,683,997	64,248,383
